



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH: [Ruangan 1643]

Tuan Wong Yau Ket
Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh
Dr Mohamed Yusof bin Nor
Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-galukan Ahli-Ahli baru [Ruangan 1643]
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1643]
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1645]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1646]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1647]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 1707]
Rang Undang-undang Penjenayah Fugitif Komanwel (Pindaan) [Ruangan 1748]

KANDUNGANNYA – (samb.)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1762]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI SULAIMAN BIN NINAM SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” Lt. Kol. (P) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM @ HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)
- ” TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)

Yang Berhormat TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)

- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG YAW KET (Sabah)
- ” DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahamad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 30hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam perlembagaan:

1. Tuan Wong Yau Ket
2. Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh
3. Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor
4. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-
PERTUA**

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik, dipilih dan dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlang.

Memperkenankan Akta-akta

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-

Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1984;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) 1984;
3. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984;
4. Akta Kawalan Timah (Pindaan) 1984;
5. Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1984;
6. Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) 1984;
7. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984;
8. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984;
9. Akta Perancang Keluarga (Pindaan) 1984;
10. Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 1984;
11. Akta Eletrik (Pindaan) 1984;
12. Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984;
13. Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1984;
14. Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984;
15. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984; dan

16. Akta Perlesenan Tenaga Atom
1984.

Perutusan daripada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memper-setujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“25hb Julai, 1984.

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mem-persetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan);
2. Rang Undang-undang Penjenayah Fugitif Komanwel (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan)
4. Rang Undang-undang Sivil (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Dirus Api Persekutuan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan;
7. Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya (Pindaan); dan

11. Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak.

Yang Ikhlas,

tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan);
2. Rang Undang-undang Penjenayah Fugitif Komanwel (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Sivil (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Dirus Api Persekutuan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kesalahan-Kesalahan Penerbangan;
7. Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya (Pindaan); dan
11. Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-Kanak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERISTIWA HARTA KARUN DI PERAIRAN MALAYSIA

1. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapa peristiwa Harta Karun di Perairan Malaysia kita ini berlaku dan kenapakah pula Singapura terlibat dan apakah hubungan kaitnya dengan Belanda dan tindakan Kerajaan dalam perkara ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Semenanjung Malaysia merupakan satu pusat maritime dan perdagangan antarabangsa yang terkemuka pada satu masa dahulu. Kemasyhurannya dan kedudukan geografinya yang strategis menyebabkan beberapa kuasa besar pada masa dahulu seperti Aceh, Siam, Portugis, Belanda dan Inggeris berlumba-lumba untuk menaklukinya.

Akibat daripada peperangan tersebut banyak kapal-kapal yang dimusnah dan ditenggelamkan. Di samping itu, terdapat keadaan di mana kapal-kapal dagang tadi ditenggelam akibat dari keadaan cuaca buruk, kebocoran atau berlanggar batu karang.

Pada masa itu usaha-usaha untuk menyelamatkan kapal-kapal yang tenggelam adalah sulit dan sukar kerana ketiadaan teknik atau kemudahan menyelam. Justu itu, banyak khazanah dan harta karun terdampar di perairan kita.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah berkisar kepada kapal yang baru ditemui berdekatan dengan Pulau Batu Gajah, Mersing, Johor. Sebenarnya kerja-kerja membongkar dan mengambil khazanah dari kapal tersebut secara haram telah dijalankan oleh satu sindiket yang bergerak di Republik Singapura.

Kerajaan Singapura tidak terlibat di dalam hal ini malah polis negara tersebut telah mengambil sikap positif membantu Kerajaan Malaysia mengesan barang-barang yang dicuri dari kapal tersebut. Mereka telah berhasil mendapatkan kembali 6 jongkong timah dan berpuluh gading gajah dan barang-barang tersebut akan diserahkan kepada Kerajaan Malaysia sekiranya Mahkamah Singapura memutuskan demikian.

Penglibatan Kerajaan Belanda di dalam hal ini adalah kerana salah satu kapal yang tenggelam di perairan kita adalah kepunyaan Syarikat India Timur Belanda yang dipercayai bernama Risdam. Atas hakikat ini sudah semestinya Kerajaan Belanda berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kapal ini. Mereka juga menyatakan keinginan untuk memberi bantuan teknikal kepada Kerajaan Malaysia di dalam membuat kajian dan penyiasatan mengenai kapal tersebut untuk kepentingan bersama.

Perkara ini adalah dalam pertimbangan pihak Kerajaan.

KERETA MALAYSIA "PROTON SAGA"

2. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan nama kereta Malaysia "Proton Saga" memandangkan orang ramai tidak berapa mengerti akan makna dan maksud nama ini.

35. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan mengapa nama kereta sulung Malaysia, diberi nama Proton Saga dan adakah nama ini membayangkan keperibadian Malaysia.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang ke 35 oleh kerana soalan-soalan ini adalah agak serupa.

Nama kereta nasional pertama ialah Proton Saga adalah cadangan dari orang ramai yang dihasilkan dari peraduan menamakan kereta nasional yang dianjurkan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Sendirian Berhad, pendeknya ialah PROTON anak syarikat Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM) yang akan mengeluarkan kereta tersebut kelak. Satu jemaah hakim yang bebas telah dilantik untuk menghakamkan peraduan tersebut di mana hampir 103 ribu penyertaan diterima.

Nama PROTON yang dipilih untuk syarikat pembuat kereta Malaysia ini adalah nama ringkas bagi Perusahaan Otomobil Nasional Sendirian Berhad.

“SAGA” adalah perkataan Melayu yang telah digunakan sejak turun temurun oleh segala lapisan masyarakat. Pohon saga ialah sejenis tumbuhan yang banyak didapati di rantau ini. Bijinya yang merah, melambangkan ketahanan, keutuhan dan keberanian. Biji saga juga pernah digunakan pada satu masa dahulu sebagai unit timbangan emas.

Adalah jelas bahawa nama ini mempunyai unsur-unsur keperibadian berbangkit sama sekali.

NILAI MATAWANG MALAYSIA

3. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan negara kita yang kaya dengan berbagai kemewahan dan kemudahan disertai pula dengan sumber bahan yang mencukupi, mengapakah nilai matawang kita masih lagi rendah jika dibandingkan dengan negara jiran pada hal negara tersebut tidak semewah negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi ekonomi negara yang menggalakkan serta sumber-sumber semula jadi yang banyak terdapat di negara ini telah membolehkan matawang kita menjadi

kuat dan kukuh walaupun pasaran wang asing antarabangsa berada dalam keadaan yang tidak tenteram.

Dalam 6 bulan pertama tahun ini nilai ringgit telah naik sebanyak 7.4% berbanding dengan pound sterling, 6.1% dengan Switz Franc, 0.3% dengan Dollar Amerika Syarikat dan 0.1% dengan Dollar Singapura. Nilai ringgit telah hanya turun berbanding dengan Yen Jepun iaitu sebanyak 2.7%.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum kadar penurunan matawang satu negara secara praktiknya ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan.

Dasar Ekonomi negara-negara tersebut juga mempengaruhi kadar pertukaran wang masing-masing. Selain daripada itu kadar pertukaran wang bagi negara-negara yang merupakan pusat kewangan antarabangsa juga akan terpengaruh dengan aliran modal antarabangsa.

Nilai ringgit walau bagaimanapun adalah diukur berbanding dengan sekumpulan matawang rakan-rakan perdagangan negara kita yang utama. Perkara yang penting bagi Kerajaan ialah untuk memastikan bahawa ringgit adalah kukuh dan stabil berbanding dengan matawang rakan-rakan perdagangan utama Malaysia bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan ke negara kita. Oleh itu kita tidak seharusnya terlalu bimbang dengan kekukuhan atau kelemahan nilai ringgit kita berbanding dengan matawang sesuatu negara yang tertentu sahaja.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ringgit kita kukuh dan stabil, apa yang dirisaukan oleh rakyat kita ialah apabila pergi ke luar negeri umpamanya di Singapura, Filipina ataupun Hongkong dan sebagainya, sungguhpun ini berjalan dengan baik

tetapi apabila pertukaran wang kita di hotel-hotel dan sebagainya tidak diterima, tetapi wang Singapura dengan senang dapat ditukar dengan wang ringgit negeri yang berkenaan. Itu yang pertama.

Yang kedua, soal wang kita juga di Singapura iaitu negeri jiran yang rasa saya tidak begitu jauh sangat di Selat Johor bagaimana begitu merosot sangat matawang kita sehinggakan kadangkala \$15 potongannya kalau \$100; dan kadangkala ada lebih lagi permainan peniaga-peniaga di sana. Yang mengguriskan hati kita sekali iaitu penjual-penjual atau pedagang sebelah sana kadang-kadang menghina duit negara kita ini. Apakah tindakan Kerajaan kita sungguhpun kita berbaik-baik di antara satu dengan lain, ini yang kita hendak tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita jangan tukar duit di hotel, tetapi tukar duit di bank.

Berkenaan dengan kemerosotan matawang Malaysia berbanding dengan matawang Singapura, saya telah nyatakan tadi bahawa kita tidak seharusnya membandingkan matawang kita hanya dengan sebuah negara tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, kalau hendak banding juga, setelah kita minta supaya tidak dibandingkan; saya tidak ingat waktu-waktu apabila perbezaan itu sampai \$15 bagi tiap-tiap \$100 duit kita dengan duit Singapura, barangkali ini satu exaggeration agaknya; sampai \$9-\$10 mungkin ada kalanya berlaku.

Yang kedua, berhubung dengan soal rakyat negara lain menghina ataupun mengatakan sesuatu tentang duit kita, ini agak sukar bagi Kementerian Kewangan untuk memastikan mereka itu tidak berbuat demikian terutama sekali sekiranya yang berkenaan itu bukan rakyat negara kita. Kalau boleh saya berharap, termasuk Ahli Yang Berhormat sendiri, kalau terjumpa orang lain yang menghina duit kita,

mula-mula kita pertahankan dan kalau kita tidak tahan, kita hinakan pula duit dia! (*Ketawa*).

PEMAJU PERUMAHAN – PERUNTUKAN KESELAMATAN

4. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan keselamatan yang dikenakan kepada semua pemaju perumahan yang menjalankan projek berhampiran kawasan kediaman supaya tidak membahayakan penduduk-penduduk terutama sekali kanak-kanak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, biasanya Penguasa-penguasa Tempatan sebelum meluluskan sesuatu pelan bangunan akan mengambil perhatian tentang keselamatan, bukan sahaja kepada orang-orang yang terlibat dalam pembinaan sesuatu bangunan atau projek, tetapi juga keselamatan orang ramai yang tidak terlibat dalam pembinaan terutama sekali kanak-kanak sekiranya pembinaan itu berlaku di persekitaran kawasan kediaman.

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atau Akta 133 ada menyentuh tentang langkah-langkah keselamatan yang patut diambil oleh seseorang pemaju bangunan. Misalnya Seksyen 82 Akta 133 mengandungi peruntukan di mana papan dinding hendaklah didirikan dalam masa kerja-kerja bangunan dijalankan. Selanjutnya papan dinding atau pagar mestilah berada dalam keadaan baik dan memuaskan dan papan dinding atau pagar itu mestilah diterangi dengan lampu dengan sempurna pada waktu malam.

Sesiapa yang melanggar peruntukan ini adalah melakukan kesalahan dan akan dikenakan denda. Papan-papan kenyataan adalah juga dipamerkan oleh pemaju di kawasan projek untuk menasihatkan orang ramai tentang bahayanya kawasan itu dan sesiapa yang melanggar peraturan itu akan

didakwa oleh pemaju. Selain daripada peruntukan perundangan ini, adalah juga tanggungjawab ibu bapa untuk mengawasi kanak-kanak daripada memasuki kawasan-kawasan yang bahaya seperti kawasan-kawasan pembinaan perumahan atau bangunan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, ini juga masalah orang ramai. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan berhubung dengan pemaju-pemaju perumahan yang berselerak pada hari ini, kadangkala pemaju-pemaju perumahan itu tidak menghiraukan keselamatan penduduk-penduduk di sebelah. Umpamanya, apabila mereka menolak tanah dibuatkan timbunan tanah, apabila hari hujan tanah-tanah itu akan melimpah ke kawasan-kawasan yang tidak terlibat, kadangkala mengakibatkan tanah-tanah kepunyaan orang-orang sebelah, reban-reban ayam, rumah ditenggelami oleh pasir ataupun lumpur sehinggakan 1 kaki ataupun 2 kaki tingginya. Ini berlaku di sekitar Kuala Lumpur. Apakah tindakan pihak Kerajaan kepada pemaju perumahan untuk menolong rakyat yang terlibat ini?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator ini ada juga pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab, tetapi dari pengalaman saya selalunya orang-orang yang duduk di persekitaran itu akan membuat tuntutan kepada pemaju-pemaju ini dan setahu saya ramai juga yang telah diberi ganjaran ataupun ganti rugi oleh pemaju-pemaju itu.

PEMBUANGAN SISA RADIOAKTIF DI PAPAN, PERAK

5. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menukar tempat pembuangan kotoran radioaktif di Papan ke suatu

tempat yang lain oleh kerana pembangkangan dari penduduk-penduduk di Papan dan kawasan sekitarnya;

- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menanggukkan pembuangan kotoran radioaktif di tempat itu sampai ke suatu masa sehingga laporan diterima dari para pakar telah dibincang dengan sepenuhnya dan diterangkan kepada orang awam; dan
- (c) mengapa Papan dipilih sebagai tempat membuang kotoran radioaktif.

20. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) kawalan yang diambil sehingga hari ini untuk menjamin kesihatan orang ramai di Papan, Perak dari sisa radioaktif yang terbuang di sana;
- (b) sama ada terdapat fahaman yang bertentangan di antara pakar-pakar alam sekitar Kementerian dengan pakar-pakar alam sekitar pelbagai badan-badan lain berkenaan dengan bahaya sisa radioaktif kepada manusia di kawasan itu; dan
- (c) jika ya, tindakan Kementerian untuk memperbetulkan perselisihan fahaman ini.

1.8.84

22. Tuan D. P. Vijandran minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk tempatan adalah tidak senang dan puashati dengan sikap Kementerian untuk menempatkan pembuangan sisa radioaktif di Papan, Perak dan sama ada beliau akan mengkaji perkara ini dengan lebih teliti lagi sebelum melaksanakannya.

3.8.84

8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Sains, Teknologi

dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan sisa-sisa radioaktif akan dibuang ke kawasan Papan, Perak, nyatakan:-

- (a) sebab-sebab kawasan tersebut dipilih untuk pembuangan sisa-sisa radioaktif berkenaan;
- (b) sama ada pilihan ini sudah muktamad; dan
- (c) langkah-langkah bagi menjamin keselamatan penduduk-penduduk serta alam persekitarannya dari segala rupa bentuk pencemaran yang amat merbahaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan K. Kumaran pada hari ini, Yang Berhormat Tuan D.P. Vijandran pada 1.8.1984 dan juga daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar pada 3.8.1984 yang mana pertanyaan-pertanyaan itu adalah berhubung dengan perkara-perkara yang sama.

Walau bagaimanapun sebelum saya menjawab soalan-soalan ini, ingin saya terlebih dahulu memberi penerangan ringkas mengenai sisa radioaktif yang mengandungi thorium hydroxide ini.

Sisa radioaktif thorium hydroxide adalah dihasilkan dari pemerosesan monazite yang berpunca dari hasil perlombongan bijih timah. Setakat ini semua hasil dari perlombongan bijih timah termasuklah hasil sampingannya seperti xenotone, monazite dan sebagainya dieksport terutamanya ke negara Jepun. Perusahaan pengeluaran, dengan izin, 'rare-earth compounds' dan 'trisodium phosphate' merupakan usaha pertama ke arah membangunkan teknologi memproses hasil sampingan perlombongan bijih timah ini.

Thorium Hydroxide yang merupakan hasil sampingan memproses monazite mempunyai nilai oleh kerana thorium

boleh digunakan sebagai bahanapi nuklear, pancalogam thorium-magnesium dan dengan izin, gas mantles. Memandangkan nilai yang terdapat pada thorium ini, maka adalah wajar sisa yang mengandungi thorium hydroxide ini disimpan di dalam negara kita supaya teknologi yang berkaitan dapat dibangunkan.

Berbalik kepada soalan-soalan yang dikemukakan, ingin saya memaklumkan bahawa keputusan Kerajaan untuk menyimpan sisa radioaktif ini di kawasan Papan adalah berasaskan kepada kajian yang dijalankan oleh beberapa agensi Kerajaan yang bertanggung jawab di dalam hal ini, termasuklah Kementerian Kesihatan, Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar dan Unit Tenaga Nuklear, Jabatan Perdana Menteri.

Berdasarkan kepada syarat-syarat yang disyorkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa, tapak di Papan ini adalah yang paling sesuai di antara beberapa tapak yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Tapak ini memenuhi semua syarat-syarat teknikal seperti keadaan geologi, paras air bawah tanah, taburan penduduk di sekitar kawasan dan jaraknya dari kilang mengeluarkan sisa ini.

Kerajaan sedar akan keraguan dan perasaan takut di kalangan orang awam khususnya penduduk-penduduk di sekitar kawasan Papan. Saya ingin menegaskan sekali lagi di sini, Kerajaan sentiasa menitikberatkan hal-hal keselamatan dan Kerajaan tidak akan melakukan sesuatu yang akan mengancam keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta kebersihan alam sekitar. Oleh itu segala usaha telah dan akan diambil untuk memastikan penyimpanan sisa radio aktif ini dilakukan dengan selamat.

Ingin juga saya sentuh tentang apa yang dikatakan pendapat yang berlainan di antara pakar-pakar pihak Kerajaan dengan lain-lain pihak

berhubung dengan bahaya sinaran akibat dari penyimpanan sisa radio aktif ini. Adalah diperakui bahawa kesan sinaran boleh membawa mudarat kepada manusia sekiranya paras tadahan itu adalah tinggi. Di dalam hubungan ini ancaman sinaran dari tapak penyimpanan sisa radio aktif ini adalah terlalu kecil bayi sesiapa yang berada di luar kawasan penyimpanan yang berpagar itu. Pakar-pakar yang menasihati Kerajaan di dalam hal ini adalah bersependapat bahawa tapak yang dipilih itu cara penyimpanan dan langkah-langkah keselamatan yang diambil adalah lebih daripada memadai.

Saya ingin juga memaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan, perparitan untuk tujuan ini belum lagi siap dan ianya belum lagi digunakan. Dengan itu tiada apa-apa ancaman sinaran pada masa ini.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk mengukur paras sinaran latar belakang di kawasan ini supaya ianya dapat dibandingkan dengan paras sinaran setelah sisa berkenaan disimpan di tempat yang dibina itu. Buat masa ini kerja-kerja pembinaan telah terhenti dan sepertimana yang telah diumumkan, sebuah Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk oleh Kerajaan Negeri Perak untuk mengkaji perkara ini dengan terperinci dan mengemukakan perakuan kepada Kerajaan negeri atas tindakan selanjutnya. Pihak Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah untuk memaklumkan kepada rakyat mengenai perkara ini dan ini termasuklah dengan mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk tempatan serta memberi penerangan umum menerusi media massa supaya rakyat dapat mengetahui keadaan yang sebenar. Oleh yang demikian tiada sebab pada masa ini bagi Kerajaan mengubah pendirian berhubung dengan tapak penyimpanan itu. Adalah tidak wajar sesuatu keputusan Kerajaan diubah semata-mata atas desakan

pihak-pihak tertentu tanpa kajian yang mendalam.

PERDAGANGAN DUA HALA DENGAN CHINA

6. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada langkah-langkah positif akan diambil untuk meluaskan bidang perdagangan dan pelaburan dengan Negeri China memandangkan jumlah perdagangan antara kedua-dua pihak turut meningkat sehingga \$350 juta U.S. dollar dalam tahun 1983.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasar Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif untuk meningkatkan hubungan perdagangan dua hala secara terus (direct trade) dengan Republik Rakyat China. Ini adalah bertepatan pula dengan dasar terbuka dan proses pemodenan ekonomi republik Rakyat China pada masa ini. Yang demikian peluang-peluang pasaran ke atas eksport Malaysia terutama bahan-bahan utama adalah menggalakkan.

Pembukaan Pejabat Perdagangan Malaysia di Beijing adalah juga sebahagian daripada usaha untuk mencapai matlamat ini. Di samping itu, pertukaran lawatan rombongan perdagangan rasmi antara kedua-dua negara sentiasa digalakkan dan dilaksanakan. Pada tahun 1983 Malaysia telah menghantar satu rombongan perdagangan rasmi ke negara tersebut dan pada tahun ini satu rombongan lagi akan dihantar, sementara pihak China juga telah menghantar beberapa rombongan perdagangan ke negara kita. Aktiviti yang sama juga dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain umpamanya PERNAS Trading, Kementerian

Perusahaan Utama dan sebagainya. PERNAS Trading setiap tahun menganjurkan dua lawatan rombongan perdagangan ke negeri China iaitu ke Pamiran Canton pada musim bunga dan pada musim luruh.

LAPANGAN TERBANG BARU BINTULU

7. Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh minta Menteri Pengangkutan menyatakan bila lapangan terbang baru Bintulu dapat memulakan operasinya oleh kerana lapangan terbang yang ada sekarang adalah terlalu kecil dan tidak dapat memenuhi keperluan yang semakin bertambah.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini projek pembangunan lapangan terbang baru Bintulu adalah di dalam peringkat kerja-kerja penyediaan pelan induk dan rekabentuk awal. Kerja-kerja ini dijangka akan disiapkan pada awal tahun 1985. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini seterusnya adalah tertakluk kepada laporan daripada pihak juru perunding berkenaan dan kerja-kerja pembinaan ke atasnya adalah juga tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan pada masa itu.

SUMBANGAN KERAJAAN KEPADA ORGANISASI PERTOLONGAN WANITA

8. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahapan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kementerian Kebajikan Masyarakat akan menimbang untuk memberi peruntukan kewangan tahunan kepada Biro Perlindungan kepada wanita-wanita yang teraniaya dan tanpa perlindungan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian saya, nama sebenar Biro

Perlindungan Wanita ialah Organisasi Pertolongan Wanita. Sukacita saya maklumkan bahawa bagi tahun 1984, Kementerian Kebajikan Masyarakat telahpun meluluskan sumbangan sebanyak \$17,800 untuk pertubuhan ini.

PELARIAN FILIPINA DI SABAH – BANCIAN

9. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Sama ada beliau sedar bahawa gerakan pendaftaran pelarian/pendatang haram Filipina oleh Jabatan Pendaftaran telah menggalakkan kedatangan mereka dan mendaftarkan diri walaupun baru sehari atau seminggu tiba; dan
- (b) Sama ada gerakan pendaftaran tersebut dijalankan untuk memberikan pas pelarian, pas kerja atau mendaftar untuk memohon bagi mendapatkan sijil kerakyatan.

Timbalan Menteri dalam Negeri (Tuan Radzi bin Haji Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, gerakan banci pelarian-pelarian Filipina di Sabah diadakan bagi tujuan berikut:

1. untuk memastikan jumlah sebenar pelarian-pelarian Filipina di Sabah;
2. untuk memudahkan Kerajaan menguatkuasakan Undang-undang perjalanan Keluar Masuk ke negeri Sabah;
3. untuk membolehkan Kerajaan mengetahui tempat-tempat atau kawasan yang didiami oleh pelarian-pelarian Filipina di Sabah;
4. untuk membolehkan Kerajaan membuat satu atau mengatur rancangan bagi menempatkan pelarian-pelarian Filipina tersebut di tempat-tempat yang lebih sesuai dan selamat;

5. untuk membolehkan dan memudahkan pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang lain memberi apa juga pertolongan dan bantuan seberapa yang boleh dan termampu; dan
6. untuk mencegah dan mengawal kemasukan secara tidak sah atau secara haram orang-orang asing ke negeri Sabah di masa akan datang.

Gerakan banci ini tidaklah menggalakkan kedatangan pelarian-pelarian atau pendatang haram yang baru oleh kerana sejak gerakan banci di Sabah dimulakan pada 30hb April, 1984 yang lalu pihak Polis dan tentera telah meningkatkan rondaan-rondaan laut mereka bagi memastikan pelarian-pelarian atau pendatang-pendatang haram dari negara asing termasuk Filipina tidak dapat masuk ke Sabah.

Gerakan banci tersebut tidak ada kena mengena dengan pemberian pas pelarian, pas kerja ataupun permohonan bagi mendapatkan sijil kerakyatan.

Tuan R. M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan had atau kuota kemasukan orang-orang yang dipanggil pelarian ke Sabah dan memastikan supaya bilangannya tidak melebihi dari jumlah penduduk Sabah sendiri?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan tidak menggalakkan orang luar masuk ke negara kita dengan secara haram. Tetapi mereka yang masuk perlulah dijaga dan dikawal dengan secukupnya.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai hubungan diplomatik dengan Kerajaan Filipina. Dengan asas ini kita sedar pelarian-pelarian dari Filipina telah dapat dikesan, mengapa Kerajaan tidak boleh menghantar balik pelarian-pelarian itu ke negara mereka?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih lagi di dalam perbincangan di antara Kerajaan dengan Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya berapakah jumlahnya pelarian-pelarian Filipina yang ada di negara sekarang ini sama ada di Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung Malaysia ini?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk tidak menjawab soalan ini.

DANOK, BUKIT KAYU HITAM – MOTIF RUSUHAN

10. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah motif-motif yang menyebabkan berlakunya rusuhan di Danok, Bukit Kayu Hitam dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat motif-motif yang menyebabkan berlakunya rusuhan di Danok, Bukit Kayu Hitam baru-baru ini masih lagi dalam siasatan pihak Polis daerah Jitra, Kedah dan pihak Polis Daerah Sadao, Thailand. Walau bagaimanapun adalah dipercayai kejadian tersebut berpunca dari perasaan marah penunggang-penunggang motosikal Thailand yang telah disaman oleh pihak Polis Malaysia yang masuk ke kawasan Malaysia dengan tidak mematuhi undang-undang negara kita.

Di antara tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut ialah:-

1. pihak Imigeresen Malaysia di Kompleks Imigeresen Bukit Kayu Hitam sedang menjalankan dengan pemeriksaan yang teliti dan ketat ke atas rakyat Malaysia yang hendak berkunjung ke pekan Danok.

2. Perkhidmatan teksi antara Kompleks Imigeresen ke sempadan telah dihentikan.
3. Perbincangan telah diadakan di antara Ketua Polis daerah Jitra Malaysia dengan ketua Polis Daerah Sadao, Thailand yang telah memberi jaminan bahawa kejadian tersebut tidak akan berlaku lagi dan berjanji akan memberi kawalan keselamatan yang lebih rapi di pekan Danok.
4. pasukan Polis Di Raja Malaysia sedang mengadakan kawalan yang ketat di antara Kompleks Imigeresen ke sempadan Thailand.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Berapa ramaikah rakyat Malaysia yang terlibat dengan rusuhan yang berlaku dalam kejadian tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya dijelaskan perkara ini masih dalam siasatan Polis jadi amatlah sukar bagi saya menjawabnya.

TV3 – KAWALAN RANCANGAN

11. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada kawalan akan dibuat ke atas rancangan-ancangan yang disiarkan oleh TV3 oleh kerana banyak daripada rancangan itu menunjukkan babak-babak yang bertentangan dengan ajaran Islam; jika ya, nyatakan segala tindakan yang telah dan akan terus diambil.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad; Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini TV3 hanya memulakan siarannya mengikut rancangan sekarang mulai 1hb Jun, 1984. Memandangkan kepada usia TV3 yang begitu muda maka sudah sewajarnya terdapat beberapa adegan dalam sebilangan kecil rancangan yang disiarkan adalah tidak sesuai dengan nilai moral umat Islam di negara ini khasnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Setelah memberi masa selama kira-kira satu bulan kepada TV3 untuk menyiarkan perancangan awalnya maka sekarang pihak Lembaga Penapis Filem sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk mengetatkan lagi kriteria penapisan ke atas setiap filem yang disiarkan oleh TV3.

Sekiranya terdapat mana-mana filem atau rencana yang tidak sesuai dengan nilai-nilai Islam dan moral masyarakat Malaysia maka pihak Lembaga Penapis Filem dan Kementerian Dalam Negeri akan mengharamkan penyiaran filem-filem atau rencana-rencana berkenaan oleh TV3.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, daripada penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menunjukkan bahawa tiap-tiap filem itu telah ditapis oleh Lembaga Penapis Filem. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah menjelaskan bahawa terdapat sebilangan kecil daripada filem-filem yang ditayangkan itu bertentangan dan menjolok mata khususnya kepada penonton-penonton yang beragama Islam dan amnya kepada masyarakat yang bersopan santun ala Timur yang ada di negara kita ini. Apakah perkara percanggahan ini boleh kita menyakinkan lagi bahawa pihak Lembaga Penapis Filem ini sebenarnya tidak langsung menapis ataupun kita memberikan kebebasan yang begitu besar kepada pihak TV3 ini untuk menyiarkan apa sahaja walaupun ada bertentangan kepada moral dan akhlak yang dianuti oleh agama yang ada di negara kita ini?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Penapisan Filem memanglah menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Tetapi mereka adalah manusia biasa. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekalian kriteria yang digunakan bagi menapis filem-filem yang disiarkan melalui TV3 adalah

berlainan sedikit daripada yang digunakan untuk filem-filem yang disiarkan melalui TV Pertama dan TV Kedua. Kriteria-kriteria tersebut adalah sepertimana diadakan kepada filem-filem yang ditayangkan di dalam filem-filem wayang gambar (cinema) di panggung wayang di luar.

Selepas sebulan sepertimana yang saya terangkan tadi maka pihak Kementerian merasa kriteria ini adalah diubah mengikut kriteria-kriteria yang telahpun ditetapkan, menapis filem-filem yang disiarkan melalui TV Pertama dan TV Kedua.

CUKAI PENDAPATAN

12. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengemaskinikan lagi jentera kutipan Cukai Pendapatan bagi mengatasi pengelakan cukai tersebut yang berleluasa di kalangan peniaga-peniaga besar persendirian; jika ya, apakah langkah-langkah dan jika tidak mengapa.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa perkara kutipan cukai memangnyalah sentiasa diberi keutamaan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Oleh itu pihak Jabatan akan mempergiatkan lagi penyiasatan terhadap mereka yang cuba mengelak cukai sama ada mereka itu terdiri daripada peniaga-peniaga besar persendirian ataupun sesiapa sahaja. Pegawai-pegawai yang menjalankan tugas ini juga adalah terdiri dari mereka yang telah mahir dan terlatih dan ditugaskan khusus bagi hal-hal penyiasatan sahaja. Selain daripada itu juga pihak Jabatan sedang mengambil tindakan untuk mengisi semua jawatan-jawatan yang ada.

PENJUALAN DARAH— SINDIKET

13. Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Kesihatan

menyatakan samada beliau sedar adanya sindiket penjualan darah di hospital-hospital Kerajaan, jika ya, di hospital-hospital manakah perkara ini berlaku dan setakat ini sejauh mana orang-orang yang terlibat telah dapat dikesan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberi jawapan bagi pihak Menteri Kesihatan.

Suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sepanjang yang diketahui tidak ada sindiket penjualan darah di hospital-hospital Kerajaan. Tetapi sekiranya Yang Berhormat mengetahui tentang adanya sindiket sepertimana yang dimaksudkan di hospital-hospital, silalah beritahu pihak Kementerian Kesihatan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Suka juga saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa dasar Kementerian Kesihatan berhubung dengan pendermaan darah pada keseluruhannya adalah secara sukarela dan tiada ganjaran diberikan kepada penderma-penderma dan amalan ini telah berjalan lancar di semua hospital Kerajaan.

PERJANJIAN PEMBEKALAN PEKERJA MALAYSIA/INDONESIA

14. Tuan Haji Shaharom bin haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengikut Perjanjian Medan antara Malaysia/Indonesia baru-baru ini:

- (a) bilangan keperluan tenaga buruh dari Indonesia lelaki dan perempuan bagi jangka pendek dan jangka panjang;
- (b) tempoh ikatan kontrak mereka di Malaysia; dan
- (c) sama ada keperluan ini atas permintaan Indonesia kerana kelebihan tenaga buruh di sana atau atas permintaan Malaysia

kerana kekurangan tenaga buruh di sini.

44. Tuan K. Kumaran minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pekerja yang dibawa masuk secara kontrak dari Indonesia semenjak perjanjian ditandatangani baru-baru ini;
- (b) bidang dan jenis pekerjaan pekerja-pekerja kontrak ini digunakan; dan
- (c) sama ada pembawaan pekerja kontrak ini akan mengurangkan kemasukan pekerja-pekerja haram dari Indonesia ke negara ini.

31.7.84

44. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil "Perjanjian lintas sempadan dan pengambilan tenaga pekerja Indonesia" baru-baru ini dan berapa ramaikah pekerja Indonesia yang telah bekerja di Malaysia dan nyatakan apakah faedah yang didapati oleh rakyat Malaysia dalam perkara ini.

49. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab utama dasar mengimport buruh dari Indonesia diamalkan oleh Malaysia serta implikasinya terhadap perkembangan sosial dan ekonomi kita.

1.8.84

33. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada satu sistem pendapatan akan digubal untuk mengawasi buruh-buruh yang diimport dari Indonesia dan lain-lain negara; dan
- (b) apa akan terjadi kepada sebilangan besar pemegang kad pengenalan merah yang begitu payah untuk mencari pekerjaan berikutan dengan kemasukan buruh Indonesia.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara perjanjian pembekalan pekerja-pekerja di antara Malaysia dengan Republik Indonesia ini menarik minat dan perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat saya mohon izin memberi penjelasan lanjut mengenai perkara ini dan juga menjawab sekali gus soalan-soalan daripada Yang Berhormat Tuan K. Kumaran untuk soalan No. 44 pada hari ini juga; Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun pada 31hb Julai, 1984 dan Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee pada 31hb Julai, 1984 dan pada 1hb Ogos, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenar Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja di antara Malaysia dengan Republik Indonesia yang telah ditandatangani di Medan, Indonesia pada 12.5.1984 ialah:

1. Untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja yang serius di negara kita, khususnya di sektor-sektor ladang dan pembinaan yang menyebabkan kerugian kepada ekonomi negara.
2. Untuk mencegah dan membentasi kemasukan secara haram pekerja-pekerja asing ke negara kita.
3. Untuk membolehkan kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini yang diperlukan secara teratur, terkawal dan sah; dan
4. Untuk melindungi pekerja-pekerja tersebut dan juga majikan-majikan berkenaan daripada dieksploitasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dasar membenarkan kemasukan pekerja-pekerja asing adalah dibuat berasaskan kepada hasil kajian-kajian mengenai kekurangan tenaga pekerja di negara kita ini yang telah dibuat oleh Kementerian Buruh dan juga pertubuhan-pertubuhan seperti Persatuan Penanam Bersatu Malaysia, Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Majlis Penanam-penanam Kelapasawit Malaysia dan Persatuan Majikan-

majikan Malaysia. Kajian-kajian tersebut menunjukkan wujudnya kekurangan tenaga pekerja sebanyak lebih kurang 35,000 dalam sektor awam dan 25,000 dalam sektor swasta menjelang tahun 1985.

Kerugian-kerugian yang dialami oleh pihak swasta telah mendorong pertumbuhan-pertumbuhan tersebut menggesa Kerajaan supaya membenarkan kemasukan pekerja-pekerja asing untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di negara kita. Justeru itu Kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang positif bagi mengelakkan ke rugian berlanjutan hasil negara serta kekurangan tenaga pekerja yang berterusan di sektor-sektor ladang dan pembinaan khususnya. Oleh itu, Kerajaan membuat keputusan bagi membenarkan kemasukan pekerja-pekerja asing dari negara-negara ASEAN dan juga Bangladesh, India dan Sri Lanka. Walau bagaimanapun di peringkat permulaannya pekerja-pekerja dari negeri-negeri ASEAN dahulu akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja di antara Malaysia dengan Republik Indonesia, pihak Indonesia akan membekalkan kepada Malaysia pekerja-pekerja yang diperlukan hanya atas permintaan Malaysia. Pekerja-pekerja Indonesia yang dibawa masuk itu akan bekerja di Malaysia secara kontrak bagi tempoh selama dua tahun dan setelah tamat tempoh itu mereka akan dihantar balik ke Indonesia. Pekerja-pekerja Indonesia yang akan dibawa masuk itu akan diteliti dan ditapis latarbelakang mereka yang termasuk aspek-aspek keselamatan, kesihatan dan pengalaman bekerja. Di samping itu pekerja-pekerja tersebut akan diorientasi supaya mereka memahami keadaan dan cara hidup dan undang-undang di Malaysia.

Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum permintaan tenaga pekerja dalam sektor ladang dan pembinaan jauh melebihi pembekalan, dengan izin, demand exceeds supply

dari sumber dalam negeri. Keadaan yang sedemikian telah menarik warganegara-warganegara asing masuk ke negara kita ini secara haram untuk mencari pekerjaan. Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja tersebut bukan sahaja dapat mengatasi kekurangan tenaga pekerja seperti yang dijelaskan, tetapi ianya juga bertujuan untuk membenteras dan mencegah kemasukan secara haram pekerja-pekerja asing ke negara kita ini. Ini adalah kerana perjanjian itu memperuntukkan kemasukan pekerja-pekerja asing secara teratur, terkawal dan sah. Dalam pada kita mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja, Kerajaan juga perlu menjamin kepentingan majikan-majikan serta pekerja-pekerja asing daripada dieksploitasikan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Suka saya menegaskan di sini bahawa kemasukan dan kehadiran pekerja-pekerja asing di negara kita ini tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan pekerja-pekerja tempatan di negara kita. Ini disebabkan kerana pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk dan dibenar bekerja di negara kita adalah dengan tujuan untuk mengisi kekosongan yang wujud dan bukannya untuk mengambil tempat atau menggantikan pekerja-pekerja tempatan yang sedia ada dan juga bukannya untuk merampas peluang pekerjaan pekerja-pekerja tempatan di negara kita ini. Sebaliknya, kita sepatutlah berterima kasih kepada Kerajaan Indonesia kerana bersetuju membekalkan pekerja-pekerja yang diperlukan oleh negara kita demi untuk faedah pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah diberi kemudahan untuk tinggal di negara ini mengikut undang-undang Imigresen. Sejak bulan Ogos, 1982 Kerajaan telah mengecualikan pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah daripada memperolehi permit kerja bagi membolehkan mereka

bekerja sebagai buruh di sektor-sektor ladang dan pembinaan. Ini bermakna perjanjian ini tidak menjejaskan peluang pekerjaan pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah sekiranya mereka memilih untuk bekerja sebagai buruh di sektor-sektor tersebut. Di samping itu kehadiran pekerja-pekerja asing di negara ini tidaklah menjadi beban ekonomi dan sosial sebagaimana yang didakwa oleh setengah-setengah pihak. Sebaliknya, mereka merupakan aset dalam pembangunan ekonomi dalam sektor-sektor ladang dan pembinaan yang berkembang dengan pesat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja di antara Malaysia dengan Republik Indonesia itu tidaklah perlu dibimbang oleh sesiapa pun.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Di sini keraguan saya dan juga keraguan Ahli-ahli yang lain iaitu rakyat yang mana kita tadi tahu Yang Berhormat mengatakan apabila mereka itu akan datang ke sini, mereka itu akan diteliti latarbelakang dan seterusnya sebelum mereka itu datang ke Malaysia. Ini diteliti di sebelah sana, di sebelah Indonesia, bagaimana pula apabila mereka datang ke Malaysia ini adakah kita juga meneliti balik semula latarbelakang mereka itu? Sekarang ini apabila kita mendengar sahaja pergaduhan, pencuri dan sebagainya, yang terlibat nama orang Indonesia, orang Indonesialah yang berbuat itu dan ini, bermakna seolah-olah pendatang orang Indonesia sahajalah yang busuk, yang mana Kerajaan kita seolah-olah tidak mengambil endah dalam soal ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat telah menerangkan latarbelakang bagaimana mereka itu datang tadi. Oleh itu, saya ingin bertanya bagaimana pula di sebelah

sini, adakah kita meneliti latarbelakang mereka juga?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum semua orang di negara kita baikpun warganegara, pendatang haram ataupun mereka yang datang bekerja melalui kontrak mesti mematuhi undang-undang di negara kita ini.

Untuk makluman berkenaan dengan perjanjian yang saya sebutkan tadi, perjanjian ini walaupun ditandatangani belum lagi dilaksanakan, bermakna tidak seorang pun pekerja daripada Indonesia datang mengikut perjanjian yang telahpun ditandatangani.

Pihak Indonesia akan meneliti sepertimana yang saya terangkan tadi, tetapi apabila mereka sampai ke negara kita, mereka terpaksa mengikut undang-undang negara kita, jika terdapat sesiapa di antara mereka melanggar undang-undang negara kita, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

KAMPUNG MELAYU – MENCANTIKKAN

15. Tuan Basharon bin Hanapiah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan memandangkan Kerajaan sekarang ini sedang rancang membangun dan mencantikkan bandar-bandar di seluruh negara kita, sama ada beliau sedar ada kampung-kampung Melayu di pinggir-pinggir bandar yang dibiarkan begitu sahaja tanpa diberi perhatian dan bantuan yang diperlukan sehingga kehidupan dan kesihatan mereka amat menyedihkan dan sama ada beliau ada rancangan untuk menolong mereka ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kampung-kampung Melayu di pinggir-pinggir bandar terbiar begitu sahaja tanpa diberi perhatian khasnya

kampung-kampung yang terletak di bawah jagaan Kementerian saya.

Berbagai-bagai kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan-jalan serta kemudahan sosial telah disediakan, tetapi untuk meliputi kesemua kampung-kampung, ianya akan memakan masa. Namun begitu, adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas kepada semua kampung yang ada di seluruh negara dengan secepat mungkin tertakluk kepada kemampuan kewangan dan tenaga pelaksana yang ada di Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kementerian saya sekarang ini sedang mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai keperluan-keperluan bagi semua kampung-kampung di seluruh negara termasuk kampung-kampung Melayu di pinggir-pinggir bandar. Ini adalah untuk membolehkan Kementerian saya merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan dengan lebih menyeluruh serta mengambil langkah-langkah yang perlu supaya penduduk-penduduk di semua kawasan tidak perlu menunggu begitu lama untuk menikmati hasil pembangunan negara.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sejauh manakah perancangan pembangunan negara dan luar bandar ini telah disusun dengan rapinya, kerana setahu saya pembangunan luar bandar ini daripada mula merdeka sampai sekarang belum nampak yang kampung-kampung ini benar-benar tersusun. Jadi sejauh mana kemudahan-kemudahan kampung-kampung ini telah menikmati sepertimana yang dijanjikan dalam Buku Merah. Adakah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hari ini benar-benar menyusun satu infrastruktur yang dapat dinikmati oleh rakyat yang mengharapkan sekian lama. Adakah pe-

rancangan yang sudah teratur yang disusun dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar?

Tuan Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah maklumkan bahawa Kementerian saya sekarang ini sedang mengumpul maklumat-maklumat mengenai keperluan-keperluan bagi semua kampung-kampung di seluruh negara. Sehingga kita mendapati maklumat-maklumat ini kita belum dapat membuat satu rancangan yang menyeluruh untuk meliputi semua kampung di seluruh negara.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan sedikit bertanya kerana Kementerian belum dapat maklumat tentang pembangunan yang akan dilaksanakan ini. Jadi sejauh mana maklumat ini dapat dikutip yang seperti saya katakan tadi sudah lama Kementerian ini ditubuhkan, tetapi hari ini baru mahu mendapatkan maklumat. Sejauh mana maklumat ini mahu didapati lagi?

Tuan Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahi-ahli Yang Berhormat ketahui bahawa pembangunan negara ini bukan hanya dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sahaja, ada agensi-agensi Kerajaan yang lain yang menumpukan pembangunan di luar-luar bandar seperti membuat jalan raya, membuat rumah-rumah sakit dan sebagainya. Tertubuhnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah sebagai sampingan kepada semua agensi-agensi Kerajaan ini dan oleh sebab itu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah ditubuhkan kemudiannya terpaksa mencari jalan di mana pembangunan-pembangunan yang belum dijalankan oleh Kementerian-kementerian lain. Jadi, oleh sebab itu kita perlulah mengambil maklumat-maklumat ini sebelum kita membuat satu rancangan

yang rapi supaya semua pelaksanaan projek dapat dijalankan dengan sempurna.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya sungguhpun jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Kerajaan sedang mengatur langkah untuk melaksanakan penduduk-penduduk luar bandar, kemungkinan ada yang tak pergi ke luar bandar, tetapi bagi diri saya selalu pergi ke luar bandar melihatkan keadaan-keadaan di kampung-kampung masih bagaimana sebelum merdeka dahulu juga lagi, belum ada api, dan dikatakan sudah ada api, ada air, ada jalan dan seterusnya, masih lagi mengikut lorong, macam lorong laluan gajah. Oleh itu, tidakkah ada rancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah ini, kemungkinan jauh antara satu rumah ke satu rumah, Kerajaan membuat satu kajian atau membawa orang-orang yang jauh di kawasan pendalaman itu bawa keluar, ditaruhkan satu tempat, di situ disediakan kemudahan-kemudahan asas. Kalau dibandingkan hendak dibuat kemudahan asas sebiji rumah satu batu, sebiji rumah satu batu, kemungkinan Kerajaan tidak mampu untuk membiayai kewangan ini. Adakah rancangan Kerajaan untuk membuat kelompok-kelompok perkampungan bagi dirasai oleh penduduk-penduduk yang telah merdeka lebih kurang 27 tahun belum mendapat kenikmatan itu.

Tuan Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh dipertimbangkan (*Ketawa*).

ASRAMA SEKOLAH TENGGU INTAN ZAHARAH— PEMBEKAL MAKANAN

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kurangnya pengawasan dan penyeliaan terhadap kontraktor pembekal makanan di Asrama Sekolah Tengku Intan Zaharah Kuala Dungun

sehingga menyebabkan 358 orang pelajar-pelajar sekolah tersebut terpaksa meninggalkan asrama secara beramai-ramai kerana dibekalkan dengan makanan basi; jika sedar, apa tindakan Kementerian untuk mengatasi perkara ini yang mana besar kemungkinannya berlaku juga di asrama-asrama lain di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor bumiputera yang membekal sekarang telah membekal makanan sejak tahun 1970 apabila sekolah mula diwujudkan, kecuali tahun 1982 dan 1983 kontraktor lain sehingga sekarang. Sejak itu juga Kementerian sememangnya telah membuat apa yang boleh untuk menentukan pembekalan baik dan memuaskan hati semua pihak yang terlibat. Di antara lain, cara kawalan dan penyeliaan yang dilakukan ialah pada setiap hidangan yang dibuat oleh kontraktor mulai daripada sarapan pagi hinggalah ke makanan malam pada tiap-tiap hari. Warden atau Steward sekolah hadir memerhatikan ada atau tidak makanan lebih dicampur-gaul dengan makanan baru dimasak dan seterusnya ikut serta memakan hidangan yang dihidangkan.

Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini apabila pembekal yang sama telah diberi kemudahan tawaran untuk membekal 2 buah sekolah yang lain, bekalan di Sekolah Tengku Intan Zaharah mula menunjukkan kelemahan, mungkin sudah tidak mampu mengendalikan 3 buah sekolah serentak. Amaran secara lisan seringkali diberi dan buat akhir-akhir ini juga amaran keras bertulis telah dikeluarkan. Berita yang akhir diterima daripada sekolah bahawa bekalan beransur baik dan sekiranya tidak juga boleh dengan sepenuhnya, maka tindakan yang akan diambil untuk ini ialah meminta semula tawaran untuk bekalan makanan di asrama sekolah tersebut, lagipun perjanjian kontrak pembekalan dengan

kontraktor ini akan berakhir pada 31hb Disember, 1984.

SOALAN NO. 17 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' S. Govinda Raj.

Dato' S. Govinda Raj: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik soalan saya.

BANDUAN BERSAMA ISTERI

18. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai rancangan untuk mengizinkan banduan-banduan yang menjalankan hukuman seumur hayat supaya dapat bersama-sama isteri mereka mengikut jadual yang ditetapkan seperti yang dijalankan oleh setengah negara.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada rancangan membenarkan banduan-banduan yang menjalani hukuman penjara seumur hayat ataupun mana-mana kategori banduan yang lain untuk bersama-sama dengan isteri-isteri mereka mengikut jadual-jadual tertentu. Sungguhpun begitu, banduan-banduan adalah dibenarkan berjumpa dengan keluarga mereka berdasarkan kepada peringkat-peringkat hukuman masing-masing seperti yang diperuntukkan oleh Undang-undang Penjara, 1953.

BANK SIMPANAN NASIONAL – KADAR FAEDAH

19. Puan Hajjah Hafsa binti Osman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Bank Simpanan Nasional bercadang menaikkan kadar peratusan faedah dari 6.5% setahun kepada peratusan yang lebih tinggi lagi; dan
- (b) jumlah pemberian faedah kepada penyimpan-penyimpan Bank Simpanan Nasional dari tahun 1980 – 1983.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar faedah Bank Simpanan Nasional dari 6.5% setahun seperti yang diberikan sekarang ini. Kadar-kadar faedah ini masih lagi setanding dengan kadar faedah simpanan bank-bank perdagangan iaitu di antara 5% hingga 8% setahun.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, jumlah pemberian faedah kepada penyimpan-penyimpan di dalam Bank Simpanan Nasional dari tahun 1980 sehingga tahun 1983 ialah sebanyak \$292.3 juta seperti berikut:-

1980 –	\$ 69.3 juta
1981 –	\$ 72.6 juta
1982 –	\$ 73.9 juta
1983 –	<u>\$ 76.5 juta</u>
	<u>\$292.3 juta</u>

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

SKIM PEMBAHAGIAN SUSU DI SEKOLAH RENDAH

21. Puan Hajjah Hafsa binti Osman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah sekolah-sekolah rendah di Semenanjung Malaysia yang mengadakan skim pembahagian susu kepada pelajar-pelajar; dan
- (b) sama ada pihak Kementerian mengadakan kajian ke atas kekesanan skim ini; jika ya, apakah rumusan yang diperolehi, jika tidak, mengapa.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 1,719 buah sekolah rendah terlibat di dalam projek

susu sekolah di Semenanjung Malaysia buat tahun ini.

Jawapan (b) ya. Peringkat perintis pada tahun 1984 menunjukkan kesan-kesan yang amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, kekesanan projek buat tahun ini masih dalam kajian.

KONTRAKTOR ASING – NILAI KONTRAK

22. Tan Sri C. Selvarajah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) nilai kontrak yang telah diberikan kepada kontraktor asing untuk tahun 1982, 1983 dan pada masa kini bagi kerja raya, perkhidmatan dan bekalan-bekalan yang berkaitan dengannya;
- (ii) sama ada cukai atau hasil-hasil lain yang diterima oleh Kerajaan berhubung dengan tender dan kontrak tersebut; dan
- (iii) berapa banyakkah peralatan tempatan yang dibeli oleh para para kontraktor berkenaan dan berapa banyakkah yang di-import oleh mereka tanpa membayar cukai.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Nilai kontrak yang telah diberikan kepada kontraktor asing bagi tahun 1982, 1983 adalah seperti berikut:

	1982	1983
Bekalan	\$ 748,797,631	\$ 456,581,519
Perkhidmatan	\$ 365,316,401	\$ 467,567
Kerja	\$5,959,103,165	\$1,959,083,514
Jumlah	<u>\$7,073,217,179</u>	<u>\$2,416,132,600</u>

- (ii) Cukai/hasil yang diterima oleh Kerajaan ialah cukai pendapatan dan cukai import.
- (iii) Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk

menentukan penggunaan bahan-bahan peralatan tempatan untuk menjalankan sebarang kontrak Kerajaan. Pegecualian hanya diberi sekiranya peralatan tersebut tidak terdapat dari sumber-sumber tempatan. Peralatan yang dibawa masuk ini adalah dikecualikan dari cukai import tetapi peralatan-peralatan tersebut tidak dibenarkan dijual atau digunakan untuk lain-lain kerja di negeri ini setelah kontrak yang berkenaan itu selesai. Peralatan tersebut dikehendaki dibawa keluar setelah kerja-kerja selesai dijalankan. Cukai akan dikenakan sekiranya kontraktor yang berkenaan tidak berbuat demikian, yakni mengeluarkan semula barang-barang yang dibawa masuk tanpa cukai tadi.

HARGA GETAH – MENSTABILKAN

23. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah khas akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menstabilkan harga getah kerana harga getah semakin hari semakin menurun.

31.7.84

53. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa

harga getah asli di pasaran dunia masih tidak stabil dan sentiasa turun naik di paras yang belum memuaskan; jika sedar apakah usaha-usaha positif Kerajaan bagi mengatasi kedudukan ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini dengan soalan daripada Yang Berhormat Mohd. Noor bin Bedah pada 31hb Julai tahun ini kerana perkara-perkara ini bersangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai kejatuhan harga getah baru-baru ini dan betapa pentingnya harga getah dapat distabilkan di paras yang berpatutan dan lumayan.

Mengenai kejatuhan harga getah baru-baru ini, sukacita saya memaklumkan mengikut penganalisan pasaran, kejatuhan ini merupakan kejatuhan sementara dan harga getah dijangka akan pulih semula tidak lama lagi terutama didapati faktor-faktor fundamental adalah kukuh.

Keadaan ekonomi dunia didapati adalah baik dan pengeluaran kereta dan tayar adalah meningkat. Permintaan fizikal dijangka kukuh, terutama dari USSR dan India. China, Korea Selatan dan Jepun dijangka akan meneruskan pembeliannya. Pembelian fizikal bagi penggunaan selepas cuti musim panas di negara-negara perindustrian sudahpun bermula pada masa ini. Sebaliknya, bekalan getah asli dijangka terhad di bulan-bulan akan datang dan mengikut maklumat-maklumat yang diterima pengeluaran bagi bulan Jun hingga Ogos di kawasan-kawasan tengah dan selatan Semenanjung Malaysia adalah berkurangan jika dibandingkan di bulan-bulan yang sama tahun lepas disebabkan oleh keadaan daun gugur bermula pada bulan Jun dan agak teruk dalam bulan Julai bagi kawasan-kawasan tersebut.

Mengenai langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kejatuhan harga getah serta menstabilkannya sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum, Malaysia telahpun mengambil beberapa langkah tertentu bagi menjamin pengstabilan harga getah.

Salah satu langkah penting yang telah diambil adalah dari segi penglibatan Malaysia dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa di mana tujuan asasnya ialah bagi menstabilkan harga melalui stok penimbal. Malaysia juga telahpun memainkan peranan yang aktif sejak beberapa lama dahulu bagi mewujudkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa ini dan dengan usaha-usaha dan inisiatif Malaysia, Perjanjian Getah Asli Antarabangsa 1979 telah dijalin dan perjanjian tersebut telahpun berkuatkuasa sejak tahun 1980 di mana ibu pejabatnya berada di Kuala Lumpur. Dengan adanya perjanjian ini harga getah yang telah merosot dalam tahu 1982 dapat ditahankan daripada terus jatuh ke paras yang lebih rendah.

Perjanjian ini juga memberi jaminan bahawa harga tidak akan jatuh ke paras yang tidak sesuai. Walau bagaimanapun, adalah didapati bahawa perjanjian sekarang ini masih mempunyai beberapa kelemahan dan dengan itu Kementerian Perusahaan Utama sedang meneliti dengan mendalam peruntukan perjanjian tersebut bagi memperbaikinya untuk menunjukkan kepentingan pengeluar-pengeluar terutamanya pekebun-pekebun kecil. Sementara itu Majlis Getah Asli Antarabangsa telahpun bersetuju supaya perjanjian ini dirundingkan semula dan satu mesyuarat persediaan untuk meneliti perjanjian ini dan bagi membuat persediaan untuk rundingan semula telah ditetapkan pada bulan November yang akan datang.

Di samping itu sukacita saya memaklumkan bahawa Malaysia juga mengambil peranan yang aktif melalui Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli bagi menunjukkan supaya kepentingan negara-negara pengeluar getah asli adalah terjaga dan satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan khusus untuk membincang dan mengawasi aktiviti-aktiviti Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa bagi menjaga kepentingan pengeluar-pengeluar terutama bagi menunjukkan harga getah berada di paras yang berpatutan.

Penubuhan Pasaran Hadapan Getah di Kuala Lumpur Commodity Exchange adalah juga merupakan satu langkah Kerajaan bagi memperkemas dan memperbaiki sistem atau mekanisme penemuan harga getah yang lebih baik dan lebih kompetitif dan juga dari segi untuk memberi kemudahan-kemudahan lindung nilai kepada pengeluar-pengeluar kita. Ini bermakna dengan adanya pasaran hadapan getah di Kuala Lumpur sendiri, Malaysia sebagai negara pengeluar utama getah akan mempengaruhi paras harga getah di peringkat antarabangsa dan tidak lagi kita bergantung semata-mata kepada keadaan harga di pasaran getah London, New York, Tokyo atau Singapura.

Penubuhan Pasukan Petugas Getah bagi mengkaji prospek perusahaan getah dari tahun 1983 hingga tahun 2,000 juga merupakan satu langkah jangka panjang Kerajaan untuk menunjukkan perkembangan getah asli masa hadapan secara teratur dan sihat. Laporan ini dapat digunakan sebagai asas untuk perancangan dan pelaksanaan dasar dan strategi serta program perusahaan getah asli Kerajaan dalam jangka panjang.

Perakuan-perakuan daripada pasukan petugas ini sedang diteliti oleh satu Jawatankuasa Khas di bawah Kementerian saya untuk mengenal pasti program-program dan strategi yang sesuai untuk perkembangan getah asli masa hadapan yang merangkumi aspek-aspek pengeluaran, pemerosesan, pemasaran, perusahaan berasaskan getah, penyelidikan dan kemajuan dan lain-lain.

Kajian ini juga adalah penting dari segi memberi gambaran perubahan struktur dan tahap permintaan getah asli di masa hadapan.

Dengan demikian dapat digunakan sebagai asas oleh negara-negara pengeluar getah asli bagi membuat perancangan di kalangannya khusus dalam konteks bagi menimbangkan

kedudukan pengeluaran dan permintaan supaya getah asli tidak dikeluarkan secara berlebihan dan dengan demikian dapat menjamin harga getah asli akan terus berada di paras yang sehat dan lumayan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 34, 36 hingga 43 dan 45 hingga 51 adalah diberi di bawah ini.)

PENGGUNAAN MICROFILM MENJAMIN KESELAMATAN DOKUMEN

24. Hajjah Hafsa Osman minta Perdana Menteri menyatakan bagi mengelakkan berlakunya risiko kehilangan dokumen-dokumen satu maklumat-maklumat penting di dalam sesebuah Jabatan Kerajaan sama ada pihak kerajaan bercadang memperluaskan penggunaan "Microfilms" bagi menggantikan cara lama di mana dokumen-dokumen disimpan di dalam fail-fail yang mana kemungkinan besar akan hilang di dalam kejadian kecurian atau kebakaran; jika ya, jabatan dan kementerian manakah yang akan diberi keutamaan dan bilakah penggunaannya akan dimulakan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Memang banyak langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menjamin keselamatan dokumen-dokumen atau maklumat-maklumat penting dalam kerajaan penggunaan "microfilm" atau "microfiche" adalah salah satu darinya. Langkah lain seperti menyimpan maklumat dalam pita magnetic, mengada cara penyimpanan fail yang moden dan memperketat keselamatannya dalam pejabat pada keseluruhannya juga amatlah penting.

Usaha menggunakan "microfilm" sedia berjalan dan pertimbangan sedang dibuat untuk meluaskannya lagi. Setakat ini kemudahan itu digunakan oleh Arkib Negara dan Perpustakaan-

perpustakaan sahaja. Ia memerlukan belanja yang agak besar untuk membeli alat-alat penggambaran, memproses filem, pembacaan dan penyalinan (printer), iaitu lebih dari \$100,000 mendapat dan melatih pekerja-pekerja mahir bagi penggunaannya dan masalah sama ada salinan dokumen dari "microfilm" boleh digunakan sebagai dokumen asal dalam hal-hal perundangan merupakan beberapa masalah yang harus diatasi sebelum penggunaannya boleh diperluaskan.

Faedah penggunaannya memang banyak, terutamanya dari segi penyimpan maklumat dengan tidak mengambil tempat yang luas di samping menjaga keselamatan maklumat-maklumat itu. Antara agensi-agensi Kerajaan yang sedang ditimbang bagi penggunaannya ialah Jabatan Pendaftaran, Mahkamah, Pejabat-pejabat Daerah, Hospital-hospital dan lain-lain agensi kerajaan yang banyak sekali menyimpan rekod-rekod asas dan penting. Hanya soal perbelanjaan yang terlibat dan "validity" salinan dari "microfilm" itu bagi memenuhi keperluan undang-undang, yang memerlukan pertimbangan lanjut sebelum kegunaannya diperluaskan.

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR – SEREMBAN – TOL DINAIKKAN

25. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Kerja Raya menyatakan bila dijangkakan kerja-kerja untuk membaiki semula semua kerosakan jalan Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban yang sedang berjalan sekarang akan dapat disiapkan dan sama ada Kerajaan bercadang hendak menaikkan bayaran tol plaza di Kajang itu dari lima puluh sen sekarang kepada satu ringgit apabila kerja-kerja membaiki jalan ini siap nanti.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas soalan ini. Kerja-kerja pemulihan bagi Lebuhraya Kuala Lumpur –

seremban yang telah dimulakan semenjak bulan Ogos 1983, adalah dijadualkan akan siap dalam bulan April 1985. Saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat pun ada memikirkan supaya kadar bayaran tol Plaza Kajang ini ditimbang semula untuk dinaikkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya akan menimbang kenaikan kadar bayaran tol ini apabila kerja-kerja pemulihan telah disiapkan kelak.

NELAYAN – HASIL TANGKAPAN IKAN

26. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Pertanian Menyatakan sejauh manakah kejayaan Tukun Tiruan dari tayar motokar menghasilkan tangkapan ikan bagi nelayan dan jika tidak mencapai kejayaan, adakah kerajaan bercadang untuk mengemukakan cara baru bagi meningkatkan hasil penangkapan ikan kaum nelayan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik): Rancangan pembinaan tukun tiruan mempunyai objektif jangka panjang untuk pemeliharaan sumber perairan pantai serta menambah sumber ikan yang mengalami kemerosotan sumbernya. Buat masa ini tidak ada data-data kuantitatif mengenai tangkapan ikan daripada kaum nelayan tetapi pandangan mereka adalah sangat menggalakkan dengan beberapa kaum nelayan meminta pembinaan tukun tiruan di perairan berdekatan kampungnya.

Kajian tangkapan ikan di kawasan tukun tiruan yang dijalankan oleh Instituti Penyelidikan Perikanan menunjukkan bahawa ikan sebanyak 1 kilogram/jam boleh didapati dengan pancing dan 4.5 kilogram/jam dengan menggunakan bubu. Jenis ikan yang biasa didapati ialah ikan Kerapu, ikan Jenahak dan ikan Gelama.

JAMBATAN BATU KAMPONG PAROI

27. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapa Jambatan Batu (5) Kampung Paroi Kuala Pilah ke Seremban tidak diperbaiki walaupun jambatan itu telah rosak semenjak 7hb. November, 1983 yang lalu.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menggantikan jambatan yang berkenaan dengan pembentong (culvert). Kerja-kerja tersebut yang menelan belanja lebih kurang \$185,000/- telahpun bermula dalam bulan Jun yang lalu, dan kerja-kerja ini dijangka siap dalam bulan November tahun ini.

TAMBANG TEKSI DI HARI RAYA

28. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tambang atau sewa teksi selalu melambung tinggi di musim hari raya dan nyatakan langkah-langkah positif bagi mengawal kenaikan tambang teksi terutama di musim-musim perayaan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kementerian Pengangkutan sedar bahawa di musim-musim perayaan ada beberapa orang pemandu teksi telah mengenakan tambang lebih tinggi daripada yang dibenarkan, disebabkan permintaan perkhidmatan kenderaan awam melebihi bekalan dan mendesak ditempok masa itu.

Jabatan Pengangkutan Jalan Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah untuk menambahkan bilangan kenderaan awam semasa musim perayaan dengan tujuan menyenangkan pelanggan-pelanggan. Selain daripada adanya perkhidmatan awam biasa, JPJ telah menambah bilangan kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam dengan

- (i) Membenarkan bas-bas persiaran, sekolah dan kilang mengangkut penumpang-penumpang pergi dan balik tujuh hari sebelum dan tujuh hari selepas sesuatu perayaan. Untuk Hari Raya Aidil Fitri yang lepas, sebanyak 406 buah bas-bas persiaran, sekolah dan kilang telah dibenar menjalankan perkhidmatan sebagai bas sewa khas, mengangkut penumpang-penumpang pergi dan balik.
- (ii) Syarikat bas Ekspres Nasional (bas MARA) dengan kerjasama syarikat-syarikat bas lain telah dibenar mengadakan bas-bas ekspres khas tambahan untuk tujuan serupa. Sebanyak 54 trip telah dapat diadakan dari Kuala Lumpur ke bandar-bandar lain dan balik untuk hari yang sama.

Tiap-tiap Pengarah JPJ di negeri-negeri Semenanjung telah mengeluarkan pengumuman kepada orang-orang awam menasihatkan kadar tambang teksi yang dibenarkan tiap-tiap kilometer. Juga borang-borang aduan telah diedarkan kepada bakal-bakal pengguna teksi di hentian-hentian tertentu sebelum tiap-tiap hari perayaan.

Untuk bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Butterworth, Kuantan, Johor Bharu dan Muar, terminal sementara telah diwujudkan seminggu sebelum dan seminggu selepas hari raya. Untuk hari raya yang lepas, tidak kurang daripada 2,600 orang penumpang telah menggunakan perhentian sementara di Kuala Lumpur sahaja. Tujuan mengadakan perhentian sementara ini ialah supaya penumpang-penumpang luarbandar yang hendak ke Kuala Lumpur boleh tiba di situ dan yang hendak ke bandar-bandar lain boleh berlepas dari situ juga dan tidak menyakkan perhentian-perhentian lain yang sedia ada.

Dengan kerjasama pihak Polis, Pegawai-pegawai Penguatkuasa JPJ telah menjalankan tugas-tugas mereka termasuk rondaan dan pemeriksaan

tambahan. Rondaan dan pemeriksaan ini dibuat dengan tujuan memeriksa teksi dan kenderaan awam tetapi tidak bertujuan menghalang pergerakan Lalulintas semasa perayaan.

PEPERIKSAAN AM BAGI DOKTOR-DOKTOR

29. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan para doktor semakin berkurangan bilangannya, mengapakah Kementerian berkenaan tidak mengecualikan mereka daripada 'Peperiksaan Am' Kerajaan yang menjadi sebabnya ramai yang berhenti oleh kerana gagal di dalam peperiksaan tersebut dan mengadakan "Ujian Lisan" sahaja bagi pakar-pakar berkenaan.

30. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada doktor-doktor pakar dari luar negeri dikecualikan dari 'Peperiksaan Am'; jika ada, sila beri jumlah bilangan mengikut pecahan kaum.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Izinkan saya menjawab pertanyaan No. 29 dan No. 30 serentak. Syarat yang menghendaki lulus Peperiksaan Am Kerajaan bukan sahaja dikenakan kepada Pegawai-pegawai Perubatan tetapi meliputi semua pegawai Kumpulan A dan B dalam Perkhidmatan Awam sebelum mereka disahkan dalam jawatan. Syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan hanya dikenakan kepada pegawai-pegawai yang dilantik ke jawatan tetap sahaja. Setakat ini tidak ada pengecualian khas diberi kepada mana-mana perkhidmatan Kumpulan A dan B, dan Ujian Lisan sahaja tidak pernah dibuat bagi menggantikan Peperiksaan Am Kerajaan.

Doktor-doktor dari luar negeri diambil bertugas secara kontrak. Dalam syarat-syarat kontrak, mereka tidak dikenakan syarat lulus Peperiksaan am Kerajaan.

Kegagalan dalam Peperiksaan Am Kerajaan bukanlah menjadi sebab

utama Pegawai-Pegawai Perubatan meletak jawatan, dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada amnya, Pakar-pakar Perubatan terdiri dari mereka yang telah disahkan dalam jawatan dan berada di tingkatan tertinggi.

PENUNTUT BUMIPUTERA – BUKAN BUMIPUTERA DI UNIVERSITI

31. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut mengikut kaum yang masuk ke universiti-universiti tempatan bagi sesi 1984-1985.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng) Bilangan pengambilan penuntut-penuntut masuk ke universiti-universiti tempatan bagi sesi 1984/85 mengikut kaum masih belum lagi muktamat. Walau bagaimanapun, bilangan pengambilan mengikut pecahan bumiputera dan bukan bumiputera adalah seperti berikut:-

	Bukan	
Bumiputera	Bumiputera	Jumlah
3967	3242	7209

KERJASAMA DUA HALA CHINA – MALAYSIA

32. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Luar Negeri sama ada ASEAN akan menyambut baik seruan Negeri China untuk mempereratkan kerjasama ekonomi dan teknikal dua hala dan sama ada Kerajaan Malaysia akan membenarkan usahawan tempatan melabur di Negeri Cina secara besar-besaran.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli, saya ingin memberikan ulasan bagi pihak negara kita sahaja dan ingin mengatakan bahawa Malaysia memang mengalu-alukan seruan Negeri China untuk pereratkan kerjasama ekonomi

dan teknikal dua hala. Hasil daripada lawatan Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie ke China baru-baru ini, beberapa bidang telah dikenalpasti di mana Malaysia boleh mendapat faedah dengan melibatkan diri di dalam pembangunan ekonomi China. Pada dasarnya Kerajaan tidak mempunyai halangan ke atas penyertaan yang lebih oleh rakyat Malaysia dalam pembangunan negara China. Bagi maksud ini sebuah Jawatankuasa Khas telah dibentuk di Wisma Putra dengan persetujuan Jemaah Menteri untuk mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam. Tujuan Jawatankuasa Khas ini adalah untuk mencari dan memberi garis panduan kepada pelabur-pelabur Malaysia dalam penglibatan mereka dalam pembangunan negara China.

MINI ESTATE BAGI ORANG ASLI

33. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mana-mana tanah Orang Asli yang belum digezet pihak RISDA tidak dapat menanam semula atau membuat Mini Estate; jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya tidak merugikan masyarakat Orang Asli di segi pembangunan Tanah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Kawasan Simpanan Orang Asli perlu digezetkan terlebih dahulu sebelum dapat dipertimbangkan masuk menyertai Rancangan Tanam Semula Pekebun Kecil. Ini adalah bertujuan untuk memastikan kawasan-kawasan itu benar-benar direzabkan untuk Orang Asli dan bukannya tanah Kerajaan yang dicerobohi. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dapat mengesahkan sesuatu kawasan itu dirizabkan untuk Orang Asli, pihak RISDA bersedia memberi pertimbangan berdasarkan kepada pengesahan tersebut.

SEKIM PINJAMAN PERUMAHAN MARA

34. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau bercadang hendak menghidupkan semula sekim pinjaman perumahan MARA kepada Bumiputera kerana sekim ini memberi kemudahan dan kebaikan kepada golongan Bumiputera yang berpendapatan rendah; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohammad Yahya bin Lampong: Sekim Pinjaman Perumahan (Rancangan Perumahan Luar Bandar) Yang dilaksanakan oleh MARA memanglah memberi faedah yang besar dan berkesan kepada rakyat yang berpendapatan rendah di luar bandar untuk memiliki rumah sendiri. Bagaimana, mengikut pandangan Majlis Tindakan Negara (MTN) sekim ini tidak wajar dilaksanakan oleh MARA.

Berikutan dengan itu pada tahun 1975 Majlis Tindakan Negara telah membuat ketetapan supaya MARA memberhentikan rancangan ini dan jangan menjalankan lagi apa-apa rancangan perumahan yang lain. Berdasarkan kepada ketetapan di atas MARA tidak bercadang untuk menghidupkan semula sekim ini.

Rancangan ini adalah juga rancangan sementara dan tidak merupakan tugas MARA yang asasi. Tugas MARA yang teras ialah mewujudkan dan membangunkan tenaga profesional, pekerja mahir dan usahawan.

RANCANGAN PEMULIHAN KAMPONG

36. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang tepat dan khusus yang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi masalah kemiskinan di beberapa buah Daerah di negara ini yang mana penduduknya hidup di bawah paras kemiskinan sepertimana kajian yang dibuat oleh SERU baru-baru ini seperti

Rancangan Pemulihan Kampung adalah langkah permulaan yang dianggap baik tetapi rancangan itu berakhir tanpa apa-apa penutupan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak 30.3 peratus daripada jumlah isi rumah di Semenanjung Malaysia adalah miskin dalam tahun 1983 sementara di Sabah sebanyak 29.2 peratus dan di Sarawak 31.3 peratus dalam tahun 1982. Dalam usaha untuk membasmi kemiskinan di kalangan mereka yang miskin ini, Kerajaan telah dan akan terus mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan lagi pendapatan serta memperbaiki taraf hidup mereka.

Salah satu langkah yang diambil ialah dengan menyerap golongan miskin daripada kawasan luar bandar ke dalam sektor moden melalui pembangunan sektor bukan pertanian terutamanya pembangunan perindustrian. Bagi tempoh 1984-85, adalah dijangkakan bahawa sektor-sektor moden iaitu sektor-sektor kedua dan ketiga seperti pembuatan dan perdagangan akan dapat menyediakan sejumlah 292,600 peluang-peluang pekerjaan. Selain daripada penyerapan buruh untuk mengurangkan kemiskinan, Kerajaan juga membuka tanah baru dan memajukan kawasan yang sedia ada dengan tujuan untuk meningkatkan daya pengeluaran golongan miskin yang menjadi petani. Bagi tempoh 1984-85, seluas 180,400 hektar tanah baru akan dimajukan oleh berbagai agensi Kerajaan. Beberapa projek pembangunan pertanian bersepadu juga dilaksanakan bagi memajukan kawasan-kawasan yang sedia ada. Dua daripada projek-projek ini iaitu Projek Barat Laut Selangor dan Johor Barat 1 yang dilancarkan pada akhir tahun tujuh puluhan akan siap dalam tempoh 1984-85. Disamping langkah-langkah yang dinyatakan, Kerajaan juga telah dan akan terus menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan asas

seperti bekalan air dan elektrik, kesihatan, pelajaran dan perumahan demi untuk memperbaiki taraf hidup golongan miskin.

Kerajaan telah juga memperkenalkan strategi-strategi baru dalam usaha membasmi kemiskinan seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Strategi-strategi ini termasuk sistem perkebunan secara koperatif dan perbadanan kawasan luar bandar. Di Bawah sistem perkebunan secara koperatif, kebun-kebun akan disatukan secara besar-besaran dan diuruskan secara estet supaya petani-petani akan dapat menikmati faedah daripadanya. Mengikut strategi perbadanan kawasan luar bandar pula, kampung-kampung yang berselerak akan dikumpulkan untuk dijadikan satu pusat perbandaran. Ia akan menjadi asas bagi pertumbuhan aktiviti-aktiviti bercorak 'bandar' dan dengan itu menjadi punca pendapatan luar kebun. Di samping itu, perkhidmatan dan kemudahan awam akan dapat disediakan dengan lebih teratur untuk meninggikan lagi taraf hidup penduduknya.

Kerajaan telah menekankan bahawa golongan miskin hendaklah mengambil peluang-peluang kemajuan pembangunan yang ada dan mengubah sikap mereka supaya jangan terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan tetapi dengan daya usaha dan keusahawan sendiri. Mereka hendaklah bersedia bekerja dan bersaing sekiranya mereka hendak meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan serta taraf hidup mereka.

DASAR EKONOMI BARU – MATLAMAT

37. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi dan pendekatan baru yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan kearah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru menjelang tahun 1990.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:
 Dalam dekad lapän puluhan ini, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, suasana politik dan ekonomi antarabangsa adalah mem-bimbangkan dan gejala-gejala ini mempengaruhi keadaan di Malaysia juga. Kemerostan ekonomi dunia yang bermula dalam tahun 1980 telah mula pulih dalam tahun 1983 tetapi lebih perlahan daripada yang dijangka-kan dan ianya telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Pertumbuhan yang lebih perlahan daripada yang dijangkakan memerlukan beberapa penyesuaian bagi mewujudkan satu suasana yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi memandangkan bahawa pertumbuhan ekonomi merupakan satu syarat penting bagi mencapai matlamat-matlamat DEB. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi adalah penting, perubahan-perubahan perlu dibuat terhadap strategi-strategi. Strategi dan pendekatan baru ini telahpun digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam usaha membasmi kemiskinan, tumpuan utama adalah terhadap sistem perkebunan secara koperatif. Kita sedia mengetahui bahawa adalah satu sebab terdapatnya kemiskinan ialah luas kebun yang tidak ekonomik. Oleh yang demikian, dalam strategi baru ini, kebun-kebun akan disatukan secara besar-besaran dan diurus secara estet supaya tanah pertanian dapat diusahakan dengan lebih ekonomik dan produktif bagi faedah petani-petani. Penekanan akan juga diberi kepada pertanian bercorak perniagaan dan tidak lagi untuk menyara diri sendiri sahaja. Satu lagi strategi baru yang diperkenalkan ialah pengumpulan kampung-kampung yang berselerak untuk dijadikan satu pusat perbandaran. Pengumpulan ini akan menjadi asas bagi pertumbuhan kegiatan-kegiatan bercorak bandar dan menjadi punca pendapatan luar kebun kepada penduduk-penduduk. Perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan akan juga

dapat disediakan dengan lebih teratur untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka. Perubahan strategi membasmi kemiskinan hendaklah disertai oleh satu perubahan dalam nilai-nilai hidup di kalangan pekebun-pekebun sendiri jika mereka ingin meningkatkan lagi pendapatan mereka. Mereka hendaklah kikiskan sikap terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan dan sebaliknya menggunakan daya usaha dan usahawanan sendiri.

Pertumbuhan sekonomi adalah juga penting dalam usaha menyusun semula masyarakat. Sungguhpun Kerajaan akan terus memberi bantuan bersesuaian dengan sumber-sumber kewangannya, pihak swasta hendaklah memainkan peranan yang lebih giat ke arah pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat. Penswastaan kepentingan dan perkhidmatan Kerajaan yang tertentu akan mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat ini. Pertumbuhan pelaburan swasta hasil daripada penswastaan akan menyediakan peluang-peluang tambahan bagi penyusunan semula hakmilik. Penyusunan semula corak gunatenaga akan memberi penekanan yang lebih terhadap sektor-sektor yang cepat berkembang dan mempunyai daya pengeluaran yang tinggi serta pekerjaan-pekerjaan yang memberi pendapatan tinggi. Oleh itu, tumpuan utama ialah untuk menambah bilangan Bumiputera yang terlatih dalam bidang pengurusan dan iktisas. Kerajaan akan terus mengadakan program-program pelajaran dan latihan dan peniaga-peniaga kecil Bumiputera juga akan diberi bantuan oleh Kerajaan dalam usaha membentuk sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian di kalangan Bumiputera.

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL

38. Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan dan negeri-negeri yang ada sekolah-sekolah vokasional, sama ada bagi penuntut-penuntut

lelaki atau perempuan di seluruh negara.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Sehingga bulan Julai 1984 terdapat 37 buah Sekolah Menengah Vokasional diseluruh negara.

Bilangan sekolah mengikut negeri adalah seperti berikut:-

	Negeri	Bilangan
	Semenanjung	
1.	Perlis	1
2.	Kedah	2
3.	Pulau Pinang	2
4.	Perak	3
5.	Wilayah Persekutuan	2
6.	Selangor	1
7.	Negeri Sembilan	4
8.	Melaka	1
9.	Johor	5
10.	Pahang	4
11.	Kelantan	1
12.	Trengganu	1
13.	Sabah	5
14.	Sarawak	5
	Jumlah	37 buah

Daripada 37 buah Sekolah Menengah Vokasional tersebut di atas:-

Jenis Sekolah	Penuntut
5 buah Sekolah Menengah Vokasional Sains Rumahtangga	- Perempuan sahaja
3 buah Sekolah Menengah Vokasional Pertanian	- Lelaki sahaja
29 buah Sekolah Menengah Vokasional Ketukangan/Perdagangan/Sains Rumahtangga.	- Lelaki dan Perempuan

HARTA MUATAN KAPAL YANG TENGGELEM

39. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan sedar beberapa buah kapal yang tenggelam di perairan Pulau Babi Besar, Mersing, Johor mengandungi

muatan harta yang bernilai berjuta ringgit, jika ya, nyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan mempunyai rekod mengenai jumlah kapal-kapal yang tenggelam di perairan Malaysia semenjak sebelum Perang Dunia Pertama dan kenapa dibiarkan begitu sahaja; dan
- (b) peranan Jabatan Akiologi Merin selama ini, jika ada.

Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Kerajaan memang sedar tentang adanya kapal-kapal yang tenggelam, bukan sahaja di perairan Pulau Babi Besar, Mersing, Johor seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, tetapi juga di seluruh perairan Malaysia.

Berdasarkan kepada penemuan-penemuan arkeologi, rekod-rekod wangsa Cina dan tulisan-tulisan ahli pelayaran India dan Arab, memang tidak dapat dinafikan bahawa pada suatu masa dahulu Semenanjung Malaysia merupakan satu pusat perdagangan maritim antarabangsa yang teragung dan rantau ini. Di dalam hal ini banyak sekali kapal-kapal dari Negeri China di timur dan India dan negara-negara Arab di barat datang membawa barang dagangan dan

berurusniaga di negara kita, sementara menunggu perubahan angin monsun kerana pada masa itu pelayaran dibuat oleh kapal layar yang menggunakan kuasa angin. Di antara pusat dagangan utama negara kita pada masa dulu ialah Merbok di Kedah dan Melaka. Sebagai contoh, Melaka pada kurun ke 15 pernah mencatat rekod adanya lebih

kurang 200 kapal-kapal yang berlabuh pada satu-satu masa. Sebagai pusat perdagangan maritim, sudah pasti adanya kapal-kapal yang tenggelam di perairan kita, sama ada akibat dari kebocoran, cuaca buruk atau kesilapan teknikal. Di samping itu, kita juga tahu bahawa peperangan banyak berlaku di perairan kita di antara kuasa-kuasa besar dahulu seperti Siam, Portugis, Belanda dan Inggeris yang juga mengakibatkan kapal musnah dan tenggelam.

Berdasarkan kepada hakikat di atas memang tidak dapat dinafikan tentang adanya kapal-kapal yang tenggelam di perairan kita.

Walau bagaimanapun, setakat ini Kerajaan belum ada rekod mengenai jumlah kapal-kapal yang tenggelam di perairan Malaysia. Ini adalah kerana Jabatan Muzium yang diberi tanggungjawab di dalam hal ini belum lagi mempunyai bahagian yang khusus mengenai arkeologi maritim. Usaha untuk menubuhkan bahagian ini telah dibuat pada tahun 1981, dan telah diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, tetapi memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara kita maka penubuhan bahagian ini telah ditangguhkan buat sementara waktu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Arkeologi Merin masih belum diwujudkan.

PERDANA MENTERI – MENGUNAKAN NAMA

40. Tuan Basharon Hanafiah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar ada orang-orang yang tertentu di dalam negara kita menggunakan nama baik Perdana Menteri kita iaitu YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk tujuan-tujuan tertentu demi kepentingan diri mereka, padahal YAB Perdana Menteri tidak langsung mengetahui perkara yang tersebut; jika sedar, apakah tindakan yang beliau akan ambil untuk menghalang kegiatan tersebut.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya sedar bahawa ada orang yang menggunakan nama Perdana Menteri untuk tujuan tertentu. Seperti termaklum ada daripada mereka yang berkenaan telah dihadapkan ke Mahkamah. Sementara itu pejabat saya telah mengeluarkan surat pekeliling kepada Kementerian, Ketua-ketua Badan Berkanun dan Setiausaha Kerajaan Negeri supaya mengesahkan dengan pejabat saya terlebih dahulu, jika ada mana-mana pihak yang menggunakan nama Perdana Menteri, sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

PENJARA BARU DI POKOK SENA, KEDAH

41. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah pembinaan penjara baru di Pokok Sena, Kedah akan dijalankan.

Tuan Radzi bin Haji Sheikh Ahmad: Pembinaan penjara baru di Pokok Sena, Kedah telah pun dimulakan. Tetapi disebabkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi maka projek tersebut terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu.

POLIS DIRAJA MALAYSIA – KEKOSONGAN JAWAPAN

42. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kekosongan jawatan anggota Polis Diraja Malaysia sebanyak 9,056 jawatan pada 1hb. Mac, 1984 telah dipenuhi; jika belum, bilakah akan diisi dan jika sudah bilakah tarikhnya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kekosongan jawatan anggota-anggota Polis seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih belum dapat diisi sepenuhnya oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia.

Dalam tahun ini hingga bulan Julai, Pasukan Polis telahpun mengambil seramai 1,499 orang anggota-anggota baru. Pasukan polis juga telah mengatur

rancangan untuk mengambil seramai 2,900 orang anggota-anggota baru hingga akhir tahun 1985. Bakinya akan diisi pada tahun-tahun berikutnya.

PEPERANGAN IRAN/IRAQ

43. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan beliau sedang akan diambil untuk mengatasi pergolakan/peperangan di negara-negara Telok Parsi iaitu Iran dan Iraq.

49. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan secara langsung dan secara tidak langsung bagi jangka pendek dan jangka panjang yang telah, sedang dan akan dimainkan oleh Malaysia dalam usaha damai peperangan Iran/Iraq.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan No.49.

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Dewan Yang Mulia ini pada masa-masa yang lalu, Malaysia sangatlah memberi perhatian yang berat terhadap pertikaian antara Iran dan Iraq iaitu dua buah negara Islam yang bukan sahaja telah menjejaskan perpaduan Ummah dan negara Islam seluruhnya, bahkan telah mengakibatkan kerugian harta benda dan nyawa yang banyak semenjak 45 bulan yang lalu. Dalam rangka ini, tindakan Malaysia adalah dalam kontek Jawatankuasa Damai Islam yang telah ditugaskan oleh Sidang Kemuncak Ketiga pada tahun 1981 untuk berusaha dan mencari jalan ke arah tercapainya satu penyelesaian yang muktamad. Kita yakin bahawa Jawatankuasa ini yang mana Malaysia adalah salah satu daripada lapan negara yang menganggotainya merupakan satu jentera yang sesuai dan paling baik sekali untuk mencari jalan menyelesaikan pertikaian ini.

Peranan ataupun tindakan kita dalam pertikaian ini adalah menerusi Jawatankuasa Damai Islam ini yang sedang berusaha mencari jalan ke arah tercapainya perdamaian. Sebagaimana yang sedia termaklum, Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuaratnya kali yang keenam pada 18-19 Julai yang lalu bagi mengkaji kedudukan serta meninjau langkah-langkah yang perlu dan akan diambil oleh Jawatankuasa ini. Bagi meneruskan usaha-usaha ini, mesyuarat telah memberi mandat sepenuhnya kepada Pengerusi Jawatankuasa, Presiden Dawda Jawara dari Gambia untuk mengambil tindakan selanjutnya termasuk mengadakan perbincangan yang perlu dengan pemimpin Iran dan Iraq.

Mesyuarat juga menegaskan betapa pentingnya usaha-usaha tegas diambil bagi mencapai satu penyelesaian yang segera demi kepentingan negara dan Umat Islam seluruhnya. Rengkasnya, tanggungjawab Presiden Jawara sebagai Pengerusi Jawatankuasa Damai Islam ini adalah untuk mengemukakan serta mengadakan perbincangan antara kedua-dua belah pihak samaada beliau sendiri sebagai Pengerusi atau bersama-sama dengan anggota-anggota Jawatankuasa yang lain sekiranya beliau mendapati perlu.

Malaysia sebagai sebuah negara anggota OIC dan anggota Jawatankuasa Damai Islam ini sangat-sangatlah memberi perhatian yang utama terhadap peranan dan usaha Jawatankuasa ini dengan memainkan peranan yang sepenuhnya dan memberi sokongan penuh kepada Pengerusi Jawatankuasa Damai Islam dalam usaha Badan bagi tercapainya perdamaian dalam pertikaian ini. Kita juga bersedia menghadizir mesyuarat seterusnya bagi membincang perkembangan baru hasil dari langkah yang diambil oleh Pengerusi Jawatankuasa ini.

GURU LEPASAN UNIVERSITI BERTUGAS DI SABAH/SARAWAK

45. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri

Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa ramai guru-guru lepasan universiti yang ditugaskan di Sabah dan Sarawak telah melarikan diri dari bertugas; jika benar apakah tindakan beliau akan ambil untuk menjamin bahawa pendidikan kanak-kanak tidak terjejas.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Adalah tidak benar bahawa ramai guru-guru lepasan universiti yang ditugaskan di Sabah dan Sarawak telah melarikan diri dari bertugas. Jika perkara ini berlaku tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas mereka.

SKANDAL BMF – JAWATANKUASA PENYIASAT

46. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah hanya sebuah Jawatankuasa Penyiasat (Committee of Enquiry) sahaja dibentuk bagi menyiasat skandal BMF di Hong Kong dan tidak sebuah Jawatankuasa Penyiasat Diraja dan bilakah kertas putih berkenaan akan dikeluarkan.

Dato Sabbaruddin Chik: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun mengumumkan bahawa Jawatankuasa Penyiasat Diraja tidak perlu dibentuk semasa beliau membuat pengumuman pada 11hb Januari, 1984 mengenai penubuhan sebuah jawatankuasa penyiasat tiga orang untuk menyiasat dan melaporkan mengenai hal ehwal urusan dan pengendalian Bumiputra Malaysia Finance (BMF) di Hong Kong.

Ingin saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat di sini bahawa ketiga orang yang dilantik menganggotai badan penyiasat tersebut adalah layak dan mampu mengendalikan tugas itu kerana mereka faham tentang akaun dan undang-undang bank serta berpendirian bebas dan tidak ada hubungan dengan BMF. Saya juga difahamkan bahawa jawatankuasa ada

dibantu oleh sebilangan penyiasat profesional yang dilantik olehnya (terdiri dari para akauntan dan peguam) untuk memeriksa dengan teliti dokumen-dokumen yang diperolehi mengenai pinjaman dan kemudahan kredit yang telah diberikan oleh BMF sehingga akhir tahun 1983.

Saya diberi faham oleh Pengerusinya bahawa pemeriksaan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pinjaman tersebut hampir akan selesai dalam masa dua bulan lagi. Satu Laporan Awal (Interim Report) dijangka disiapkan pada akhir bulan Ogos ini. Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dahulu, satu kertas putih akan dibentangkan di Parlimen apabila penyiasatan yang dilalukan oleh jawatankuasa penyiasat tersebut selesai.

PANEL TV

47. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan dalam pemilihan filem-filem sama ada dari dalam negeri atau luar negeri untuk siaran melalui TV Malaysia yang dibuat oleh sebuah panel terdiri daripada 60 orang lelaki dan 30 orang wanita, berapakah wanita Melayu yang menganggotai panel ini supaya dapat memberikan buah fikiran yang membina untuk kebaikan penun-tun-penuntun yang terdiri daripada berbagai peringkat umur.

Tuan Radzi bin Haji Sheikh Ahmad: Suka saya menjelaskan bahawa panel TV yang ditubuhkan oleh Bahagian Penyelidikan Kementerian Penerangan itu bukanlah bertujuan untuk memilih filem-filem dari dalam dan luar negeri untuk kegunaan RTM. Panel ini diwujudkan untuk memberi kesanbalas atau reaksi kepada rancangan-rancangan yang disiarkan oleh RTM. Kesanbalas dari reaksi ini akan dijadikan panduan bagi RTM dalam pemilihan rancangan-rancangannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggota panel ini

bukanlah 60 lelaki dan 30 wanita, tetapi 293 orang lelaki dan 277 orang wanita. Dari jumlah ini jumlah wanita Melayu ialah 159 orang yang terdiri daripada 68 orang wanita bandar dan 91 orang wanita luar bandar.

FAIL MEJA/MANUAL PROSIDUR KERJA - SISTEM

48. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat di beberapa Jabatan Kerajaan apabila seseorang pegawai sama ada pegawai kanan atau kerani biasa bercuti kerja-kerjanya selalu tidak dapat diuruskan oleh pegawai-pegawai lain dan terpaksa menunggu sehingga dia balik dari bercuti dan perkara begini telah menimbulkan beberapa kesulitan kepada rakyat jelata yang bersusah payah datang ke pejabat Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka; jika sedar nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya sedar bahawa kejadian sedemikian itu ada berlaku. Kerajaan telah mengambil tindakan tegas atas perkara ini dengan memperkenalkan dan mengarahkan semua jabatan Kerajaan menggunakan sistem Fail Meja dan Manual Prosidur Kerja. Fail Meja menerangkan semua aspek tanggungjawab seseorang pegawai/kakitangan Kerajaan dan lain-lain pegawai/kakitangan yang terlibat dalam menjalankan tugas-tugasnya. Manual Prosedur Kerja pula menerangkan semua langkah dan tindakan yang perlu dijalankan mengenai semua aspek kerja disesebuah agensi. Dengan cara ini, sekalipun seseorang pegawai/kakitangan bercuti atau tidak berada di pejabat pada sesuatu masa, maka pegawai/kakitangan lain boleh mengambil tindakan berdasarkan kepada garis panduan yang terdapat dalam dokumen-dokumen Manual Prosidur Kerja dan Fail Meja.

BADAN BERKANUN DI BAWAH AKTA PARLIMEN

50. Tuan Basharon Hanafiah minta Perdana Menteri menyatakan semenjak negara kita mencapai kemerdekaan sehingga akhir bulan Jun, 1984, sudah berapa banyak agensi-agensi Kerajaan atau badan-badan berkanun telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan dari jumlah yang tersebut berapa banyak yang telah dibatalkan dan sebab-sebab dibatalkan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Semenjak negara ini mencapai kemerdekaan sehingga akhir bulan Jun, 1984, Kerajaan telah menubuhkan sebanyak 72 buah badan-badan berkanun/agensi-agensi Kerajaan di bawah Akta Parlimen. Dari jumlah tersebut hanya sebuah sahaja badan berkanun iaitu Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Majuternak) yang telah ditutup dalam bulan April, 1982. Sebab utama ianya ditutup ialah penindihan tugas dan fungsi di antara Majuternak dengan MARDI dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Lain-lain sebab ialah prestasi yang kurang memuaskan dan peranan Majuternak yang telah berkurangan.

RUMAH KEDAI KOS MURAH-PEMBINAAN

51. Tuan. D. P. Vijandran minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan mewajibkan pembinaan rumah-rumah kedai kos murah kepada sesebuah syarikat perumahan bila meluluskan syarat mengadakan rumah-rumah kos rendah; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Puan Napsiah binti Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tiada mengenakan syarat mewajibkan pembinaan rumah-rumah kedai kos murah kepada sesebuah projek perumahan bila meluluskan syarat mengadakan projek-projek rumah-rumah kos rendah.

Dalam satu-satu projek perumahan, keperluan bagi menyediakan infrastruktur dan lain-lain kemudahan sosio-ekonomi seperti Kedai, Sekolah, Pusat Kesihatan, Pasar dan lain-lain telahpun ditentukan mengikut Piawaian Perancangan Kebangsaan (Planning Standards). Justeru itu, keperluan untuk mewajibkan syarat ini semasa meluluskan projek perumahan kos rendah tidaklah berbangkit.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.51 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) tahun 1984 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memperkemaskan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pendaftaran kapal-kapal Malaysia dan memperkemaskan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan perkapalan pesisiran pantai ataupun dengan izin, "domestic shipping" serta memasukkan peruntukan-peruntukan baharu, memperkemaskan peruntukan-peruntukan mengenai perlesenan bot, memperluaskan bahagian-bahagian berkenaan dengan pendaftaran kapal-kapal, perlesenan bot-bot dan perkapalan pesisiran laut ke Sabah dan Sarawak.

Memasukkan peruntukan baharu mengenai pendaftaran dan peraturan-peraturan keselamatan dan kawalan bagi pelantar-pelantar minyak dan lain-lain struktur laut di luar pantai dan memasukkan beberapa takrif yang

tiada diperuntukkan di dalam Ordinan Perkapalan Saudagar yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa industri perkapalan di negara kita sedang berada di peringkat peralihan. Industri perkapalan pada amnya dipengaruhi dan dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk ekonomi, politik dan keselamatan di dalam dan di luar negeri. Pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar tahun 1952 adalah perlu untuk membantu usaha Kerajaan mempesatkan pembangunan perkapalan saudagar dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.

Di samping itu, pindaan tersebut juga telah didorongkan oleh keperluan dan perkembangan semasa dalam suasana dan industri perkapalan dan demi untuk membolehkan Kementerian Pengangkutan menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih sempurna. Beberapa pindaan-pindaan berhubung dengan pendaftaran kapal-kapal, perkapalan pesisiran pantai, pendaftaran dan keselamatan struktur di luar pantai adalah pindaan-pindaan mengenai perkara-perkara dasar. Dalam pada itu, beberapa pindaan yang lain, bertujuan untuk memperkemaskan peruntukan yang sedia ada serta melicinkan pentadbirannya. Selain daripada itu, ada beberapa fasal yang menyentuh pindaan-pindaan kecil atau pindaan-pindaan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat Kerajaan mengurangkan defisit yang berlanjutan dalam dagangan tak ketara, langkah-langkah harus diambil bagi meningkatkan lagi penyertaan warganegara dalam bidang perkapalan serta memperluaskan tannaj perkapalan yang dimiliki oleh orang perseorangan warganegara, perkongsian ataupun syarikat-syarikat perkapalan.

Walau bagaimanapun, usaha menggalakkan industri perkapalan memerlukan syarat-syarat pendaftaran kapal yang lebih, dengan izin,

“flexible”. Syarat-syarat pendaftaran yang sedia wujud adalah terlalu ketat dan perlu dikaji semula. Syarat-syarat pendaftaran kapal adalah penting bagi menarik pelaburan asing demi bagi mencapai dasar Kerajaan untuk menjadikan negara kita bertaraf negara maritime. Usaha-usaha menggalakkan lagi pendaftaran kapal-kapal di Malaysia harus dipertingkatkan lagi. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan memperbaiki lagi undang-undang berkaitan, demi memberi galakan kepada pendaftaran kapal-kapal di negara kita.

Selain daripada pendaftaran Rang Undang-undang ini juga bertujuan memperkemaskan lagi undang-undang berkaitan dengan perkapalan persisiran laut. Semenjak tahun 1980, perkapalan di persisiran laut telahpun dihadkan hanya kepada kapal-kapal yang mempunyai lesen. Syarikat-syarikat tempatan diberi keutamaan di dalam pemberian lesen-lesen itu. Rang Undang-undang ini juga bertujuan beberapa seksyen undang-undang persisiran laut, dengan tujuan membolehkan pengawalan industri pelayaran domestic dengan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan penyertaan warganegara dalam bidang perkapalan, adalah dikenalpasti bahawa syarikat-syarikat perkapalan terutamanya syarikat-syarikat perkapalan usahasama dengan pihak asing, haruslah dipertingkatkan. Ini merupakan satu cara untuk menarik pelaburan dan kepakaran asing serta mempercepatkan pemindahan teknologi di bidang perkapalan. Oleh itu, peruntukan yang sedia ada di Seksyen 11, iaitu majoriti pemegang saham mesti dimiliki oleh warganegara, perlu dilonggarkan.

“Flexibility” ini adalah penting bagi Malaysia mencapai taraf negara maritime dengan memperbanyakkan lagi kapal-kapal didaftarkan di negara kita. Adalah dianggarkan bahawa pelabur-pelabur dari negara-negara

maju akan mengambil peluang melabur di bidang industri perkapalan di negara kita sekiranya syarat-syarat pendaftaran kapal dapat dilonggarkan sedikit. Fakta-fakta lain seperti kos operasi di Malaysia adalah masih kurang jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Malaysia jua mempunyai jumlah kargo yang lumayan untuk diangkut oleh kapal-kapalnya.

Dasar Kerajaan Malaysia memajukan industri perkapalan adalah jua satu fakta menarik pelaburan asing. Pindaan yang dicadangkan itu bertujuan untuk membolehkan Menteri menentukan peratus pemegang saham dan, pengarah warganegara Malaysia dan yang bukan warganegara dalam sesebuah syarikat perkapalan usahasama. Dalam pada itu, pindaan Fasal 4 juga bertujuan membolehkan Menteri untuk sedikit demi sedikit memperketatkan syarat-syarat mengenai pemegang saham dan pengarah syarikat-syarikat tersebut, selaras dengan peringkat kemajuan yang dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4, di samping mempunyai, dengan izin, “element of flexibility” adalah juga bertujuan untuk mengawasi pengurusan syarikat perkapalan yang ditubuhkan di Malaysia.

Fasal 4 mewajibkan supaya ibu pejabat sesebuah syarikat perkapalan itu ditempatkan di Malaysia dan sebahagian besar daripada pengurusanannya dijalankan dari Malaysia. Langkah-langkah ini dijangka mengurangkan dan seterusnya menghapuskan syarikat-syarikat perkapalan yang diperbadankan di Malaysia semata-mata untuk menikmati faedah yang diberikan kepada kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia tetapi perniagaannya diuruskan dari luar negeri.

Cadangan untuk meminda Seksyen 65A bertujuan untuk memperluaskan, dengan izin, “territorial scope” bagi perkapalan persisiran pantai. Takrif

baru "domestic shipping" akan meliputi pengangkutan kargo atau penumpang dari mana-mana tempat dan pelabuhan di Malaysia ke mana-mana tempat dan pelabuhan lain atau dari mana-mana tempat dan pelabuhan di Malaysia ke mana-mana tempat dalam zon ekonomi eksklusif ataupun sebaliknya.

Pindaan ini membolehkan kita mengawasi kapal-kapal yang berulang alik dari pantai ke pelantar-pelantar minyak. Khususnya, ini membolehkan kita menghadkan penyertaan kapal-kapal asing dalam bidang ini dan membuka peluang serta meningkatkan penyertaan warganegara Malaysia dalam aktiviti perkapalan luar pantai ataupun "offshore activities". Buat masa ini perkapalan persisiran pantai masih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti tradisional iaitu pengangkutan kargo kering atau minyak. Adalah dijangkakan pengusaha-pengusaha kapal persisiran akan menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti perkapalan yang lebih khusus seperti mengendalikan "supply vessels", carigali minyak dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, cadangan meminda Seksyen 65K juga adalah penting dan merupakan suatu seksyen baru. Pindaan ini menentukan bahawa hanya kapal-kapal Malaysia sahaja yang berhak mengambil bahagian di dalam perkapalan persisiran.

Peruntukan ini cuma menurunkan dasar yang sedia ada sebagai undang-undang. Menteri yang berkenaan mempunyai kuasa bagi memberi pengecualian mengikut keperluan di atas syarat-syarat tertentu. Umpamanya, sekiranya tidak ada kapal-kapal Malaysia yang sesuai bagi sesuatu jenis kargo, pengecualian bolehlah diberi dengan syarat-syarat tertentu. Peruntukan bahawa hanya kapal-kapal Malaysia sahaja yang berhak mengambil bahagian akan juga menetapkan secara jelas bahawa kapal-kapal asing tidak boleh mengambil

bahagian melainkan dengan peraturan pengecualian sementara.

Berhubung dengan pentadbiran perkapalan persisiran pantai pindaan juga dibuat bagi membolehkan Menteri melantik sesiapa juga untuk menjadi Pengerusi Lembaga Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri. Di bawah peruntukan yang sedia ada, Menteri hanya boleh melantik Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan sebagai Pengerusi. Pindaan ini mencerminkan kesediaan Kerajaan memperkenalkan apa juga perubahan dalam jentera Kerajaan yang sedia ada jika keadaan memerlukannya, di samping memberikan fleksibiliti kepada pentadbiran Lembaga Perlesenan.

Pindaan terpenting seterusnya adalah pindaan-pindaan ke atas Seksyen-seksyen 473-475 dan 483-484 iaitu peruntukan-peruntukan mengenai perlesenan bot.

Peruntukan ini dibuat bagi memasukkan takrif bot yang baru iaitu vesel yang tidak melebihi 500 tan kasar yang belayar hanya di sungai dan di perairan negeri masing-masing hingga ke batasan luar laut wilayah. Peruntukan-peruntukan ini adalah bertujuan memperkemas lagi Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan memperluaskan undang-undang ini ke Sabah dan Sarawak.

Adalah juga didapati bahawa di Sabah dan Sarawak, kapal-kapal boleh dilesenkan bagi pelayaran dalam perairan negeri tanpa mengira berat. Ini adalah menimbulkan masalah apabila undang-undang perkapalan persisiran ini diperluaskan ke negeri-negeri tersebut oleh kerana bidang pengawasan kedua-dua undang-undang tersebut adalah sama.

Perkara ini telahpun dibincangkan bersama-sama dengan wakil-wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan mereka telah bersetuju bahawa kapal-kapal yang beratnya tidak

• melebihi 500 gross tons boleh dilesenkan di bawah kategori lesen bot. Bot-bot yang dilesenkan itu tidak akan memerlukan lesen perkapalan persisiran laut selagi bot-bot itu belayar hanya di dalam negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun, kapal-kapal yang melebihi 500 ton kasar masih dikehendaki mendapatkan lesen perkapalan dalam negeri. Dengan memperluaskan peruntukan-peruntukan mengenai perlesenan bot ke negeri Sabah dan Sarawak akan membolehkan takrif bot yang seragam digunakan bagi semenanjung Malaysia, negeri Sabah dan Sarawak. Selaras dengan perluasan undang-undang ini, seksyen-seksyen yang berkaitan dengan perlesenan bot di bawah Ordinan-ordinan perkapalan Saudagar, 1960 di Sabah dan Sarawak akan dimansuhkan.

Suka saya menyatakan bahawa kapal-kapal kecil yang beratnya kurang daripada 15 tan net akan terus dilesenkan oleh Sabah dan Sarawak seperti amalan yang sedia ada. Kapal-kapal ini juga tidak perlu mendapatkan lesen perkapalan persisiran.

Pindaan juga telah dibuat ke atas Seksyen 483 di mana peruntukan diadakan bagi membolehkan Menteri membuat kaedah-kaedah mengenai perkara-perkara seperti kelayakan belayar, pemeriksaan, penelitian, pembinaan, peralatan dan sebagainya bagi vesel perikanan. Tujuan memasukkan perkara-perkara ini adalah untuk mengawasi kapal perikanan kerana seperti kapal-kapal yang lain, kapal-kapal perikanan juga perlu mematuhi satu tahap keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, aktiviti carigali minyak di luar kawasan perairan Malaysia (territorial waters) adalah merupakan aktiviti yang giat berkembang.

Buat masa ini, terdapat beberapa struktur luar pantai didirikan di kawasan luar perairan Malaysia bagi

maksud ini. Tidak boleh dinafikan bahawa terdapat berbilang dan berbagai rupa bentuk luar pantai berkaitan dengan kerja-kerja carigali minyak akan terus didirikan di masa hadapan. Oleh itu dari segi pentadbiran keselamatan di laut, peruntukan baru dibuat bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan mengenai pendaftaran struktur luar pantai serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya seperti pembinaan, pencegahan pencemaran, keperluan "manning" dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, adalah ketara bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menggalakkan perkembangan perkapalan dalam negeri selaras dengan dasar sabotaj kebangsaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mungkin berminat untuk mengetahui bahawa sehingga akhir tahun 1983 sebanyak 451 lesen telahpun dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak lagi kapal-kapal didaftarkan dalam negara ini, untuk mengendalikan perdagangan kita dan demi untuk kemajuan perusahaan maritime yang sebenar.

Oleh itu adalah diharapkan bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat memberi kuasa undang-undang untuk menjamin kemajuan dalam industri perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, bagi

memperluaskan peruntukan-peruntukannya yang tertentu ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan bagi kali kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas.

4.10 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang bermakna suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, bagi memperluaskan peruntukannya yang tertentu ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang mana kemudiannya Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukacita dan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan kerana telah dapat membentangkan Akta Perkapalan ini kerana di masa yang sudah-sudah ini Kerajaan kita belum ada aturan-aturan yang tertentu bagi penguatkuasaan di laut dari segi keselamatan terutama sekali tentang cari minyak di laut. Oleh itu, dengan adanya Akta ini maka Kerajaan kita akan dapat menyeragamkan peruntukan kapal-kapal bagi seluruh Malaysia termasuk peruntukan-peruntukan tertentu ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Dengan penyeragaman ini bolehlah melicinkan pentadbiran kapal-kapal di negara kita Malaysia dan tidak berbangkit lagi masalah-masalah berhubung dengan kapal-kapal dari Sabah dan Sarawak, dan dengan itu boleh memperkemas peruntukan yang sedia ada dan melicinkan lagi pentadbiran Ordinan Perkapalan yang ada serta memperbaiki yang belum ada serta menyekatkan mana-mana yang longgar dan melonggarkan pula mana-mana yang ketat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian mukasurat 11, Fasal

22 Ordinan adalah dipinda pada mulanya hinggalah sampai hujungnya dan dengan adanya Fasal 22 ini kita boleh mengawal kapal-kapal asing yang datang belahut ke daerah kita lebih berkesan lagi. Fasal 22 ini meminda takrif "domestic shipping" adalah satu pindaan yang tepat buat masa ini kerana kapal-kapal yang membawa barang-barang dan penumpang-penumpang bukan sahaja dari satu pelabuhan ke satu pelabuhan di negara kita ini kena lesen bahkan juga dikenakan ke atas kapal-kapal membawa barang-barang atau penumpang-penumpang dari satu tempat ke satu tempat yang lain termasuk kawasan zon ekonomi kita. Saya percaya dengan peruntukan ini dapat mengawal aktiviti-aktiviti syarikat perkapalan membawa barang-barang ke pelantar minyak di perairan zon ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini juga dapat menambah dan menggalakkan bilangan syarikat perkapalan dalam aktiviti-aktiviti tersebut terutama sekali syarikat-syarikat Bumiputera. Kerana dalam keadaan sekarang ini kapal-kapal yang membawa barang-barang dan penumpang-penumpang ke pelantar minyak di perairan Malaysia adalah dikuasai oleh syarikat perkapalan asing. Jadi, dengan adanya peruntukan ini syarikat perkapalan asing terpaksa mengikut peraturan-peraturan yang akan kita tetapkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, mukasurat 17 Fasal 32 yang memberi peruntukan baharu Seksyen 473A dan 473B adalah bertujuan untuk meminda takrif "boat" yang berat dahulunya ialah 100 tan tetapi tambah kepada 500 tan. Ini memberi peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera menceburkan diri dalam bidang pengangkutan kargo di perairan negara kita ini. Dan seksyen ini juga pada pendapat saya memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat perkapalan atau bot yang di bawah 500 tan dengan hanya perlu dilesenkan dengan tidak payah didaftarkan.

Seksyen 473A adalah sesuai dan tepat oleh kerana dengan peruntukan ini Kerajaan terutama sekali Jabatan Laut boleh mengawal aktiviti-aktiviti di kawasan perairan Malaysia kita walhal pada masa ini Jabatan Laut tidak mempunyai kuasa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mukasurat 19 Fasal – 38 yang memperuntukkan seksyen baharu 485A, dan saya fikir adalah tepat masanya diadakan Seksyen baru ini kerana memandangkan bahawa buat masa ini tiada peruntukan untuk mengawal dan mengawas keselamatan pelantar-pelantar minyak di negara kita ini. Adalah diharapkan juga dengan adanya peruntukan ini maka Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi mendaftar dan mengawal aspek-aspek keselamatan pelantar-pelantar minyak tersebut. Saya fikir ini adalah satu langkah bijak kepada Kementerian ini bagi menjaga dan memastikan bahawa pelantar-pelantar minyak di perairan kita Malaysia ini adalah selamat dan terpelihara supaya negara kita tidak mendapat kemalangan seperti yang dialami oleh negara-negara luar di beberapa ketika dahulu di mana beberapa kehilangan nyawa telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya suka juga menyarankan berhubung dengan penglibatan Bumiputera dalam syarikat-syarikat perkapalan ini. Pada masa sekarang ini syarikat perkapalan Bumiputera yang betul-betul maju saya kira hanya tidak berapa ramai sangat, hanya dalam tiga atau empat buah sahaja yang betul-betul maju syarikatnya. Kurangnya penglibatan Bumiputera dalam syarikat perkapalan ini ialah kerana beberapa sebab dan barangkali juga kemungkinan kelemahan sendiri terutama sekali dalam keadaan menjalankan perniagaan syarikat mereka, kurang mendapat pelanggan atau hubungannya dengan lain-lain

perniagaan dan juga masalah-masalah yang mereka hadapi dengan pekerja-pekerja mereka sendiri. Jadi, untuk memajukan atau menggalakkan Bumiputera dalam bidang syarikat perkapalan ini saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan mengadakan bidang latihan pengurusan perniagaan kapal. Dalam latihan ini termasuklah barangkali melatih pekerja-pekerja kapal ataupun kelasi-kelasi dan segala masalah-masalah yang bersangkutan dengannya. Dan juga pelajaran-pelajaran yang lain yang perlu diadakan seumpamanya bagaimana menguruskan sesebuah perniagaan, hubungannya dengan pelanggan yang lain, cara mengawas kapal misalnya, memajak kapal ataupun mengambil bahagian kontrak dan sebagainya. Jadi, ini bolehlah dikaji dan diatur oleh Kerajaan kita bagi melaksanakan pada masa akan datang. Saya percaya setelah diadakan latihan bidang perniagaan kapal tersebut maka tentulah ramai Bumiputera-bumiputera kita mengambil bahagian di dalam bidang tersebut sebagai menyahut cabaran dalam bidang Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita dalam bahagian perniagaan kapal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

4.18 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang yang dinamakan suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 bagi memperluaskan peruntukan-peruntukannya yang tertentu di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tadi kita telah mendengar ulasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berhubung dengan tindakan yang akan dijalankan

di mana Dewan Negara dan Dewan Rakyat meluluskan pindaan-pindaan ini. Oleh itu dalam masalah ini saya ingin juga sedikit untuk memberi pandangan di atas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini. Pertamanya, Fasal 8 berkenaan dengan permohonan untuk mendaftarkan kapal di Malaysia iaitu sebelum sesebuah kapal didaftarkan perlu tuan sesebuah kapal itu membelinya dan dengan itu cara pembelian harus diteliti.

Kali ini saya hendak memberi pandangan, kadangkala kita dengar kapal-kapal yang kita beli oleh syarikat perkapalan kita adalah kapal-kapal yang telah terpakai (second-hand) yang mana kita tidak tahu kapal-kapal itu sama ada boleh dipakai berapa lama hadnya kerana kita takut perkara ini akan berlaku dan merugikan rakyat kita dan negara yang menjual itu mendapat kekayaan. Oleh itu dalam keadaan ini saya mencadangkan dan memandangkan kepada keadaan-keadaan ini dan membaca dengan serba ringkas iaitu kapal-kapal jika hendak dibeli sama ada dari limbungan ataupun yang sedia ada, selepas perjanjian dilaksanakan dengan limbungan kapal itu boleh di bina mengikut kehendak tuannya sekurang-kurangnya dalam masa 6 bulan. Sijil Pendaftaran Sementara boleh dikeluarkan oleh Pejabat Konsul untuk tempoh perjalanan kapal itu pulang ke Malaysia sekiranya kapal itu dibina diluar negeri. Semasa kapal itu dibina, anggota-anggota dari Classification Society yang dilantik oleh tuan kapal akan mengawasi pembinaannya.

Pandangan saya, Tuan Yang dipertua, sebelum sesebuah kapal itu dibina adalah disyorkan tuannya menghubungi iaitu Pengarah Laut atau Kementerian Pengangkutan untuk memberi keterangan berkaitan tujuannya, limbungan dipilih, harga pembelian, cara pembayaran dan insuransnya. Dengan maklumat itu Pengarah Laut dapat mengamalkan perkembangan perkapalan dan seterusnya menentukan implikasi terhadapnya. Infrastruktur, harga kapal akan melibatkan berjuta-juta

ringgit serta cara pembayarannya membolehkan Pengarah Laut mengetahui berapa banyak wang yang dikeluarkan dari Malaysia. Sekiranya maklumat-maklumat itu didapati maka Pengarah Laut atau Kementerian Pengangkutan boleh memerhatikan perkembangan perkapalan dengan tujuan:-

1. Memelihara atau mengawal perindustrian dalam negeri;
2. Mengawal ringgit Malaysia dieksport; dan
3. Merancang kemudahan-kemudahan infrastruktur.

Kerajaan telah memberi pengecualian cukai terhadap syarikat perkapalan dan langkah-langkah hendaklah diambil supaya warganegara asing tidak menggunakan keistimewaan itu. Untuk mencapai peringkat yang efficient dalam perkapalan, perbandingan harus digalakkan di antara syarikat-syarikat perkapalan tetapi dengan adanya lebih kapal-kapal perniagaan tidak akan menguntungkan.

Pembelian kapal yang sedia ada akan menimbulkan dua masalah. Pertama, umur kapal itu harus diteliti kerana mengikut umur kapal itu, badannya dan kecekapannya akan merosot dan untuk menentukan bahawa Malaysia tidak akan jadi tempat longgok kapal-kapal lama serta tempat yang mudah mendaftar kapal-kapal, maka Pengarah Laut harus mengkaji jenis dan umur kapal itu dengan teliti apabila hendak dibeli.

Kedua, oleh sebab kapal bukan sahaja harganya mahal serta boleh bergerak dari satu negara ke satu negara maka undang-undangnya pun berlainan. Salah satu undang-undang yang agak penting adalah dari segi tuntutan Maritime Line, tuntutan terhadap kapal boleh dibuat di mana-mana pelabuhan dan tidak kira tuannya. Kapal itu boleh ditahan sebagai cengkeram dan sekiranya persetujuan tidak dapat dicapai, kapal itu boleh dilelong. Untuk mengelakkan

keadaan yang tidak diinginkan, Pengarah Laut harus dapat bukan sahaja kenyataan yang mengesahkan orang-orang mempunyai tuntutan terhadap kapal tetapi kenyataan dari peguam yang mengesahkan kenyataan itu adalah lebih berkesan. Dengan cara ini tuan kapal akan lebih terpelihara serta peguam-peguam akan lebih berkecimpung dalam bidang perkapalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kepentingan negara pula, pada pandangan saya dalam Seksyen 13 tadi, bagi menjaga keamanan negara kerana negara kita juga dikelilingi oleh musuh, mungkin kita tidak tahu, patut kita berawas-awas. Adalah dibuktikan mengikut dalam suratkhbar iaitu peperangan di Falklands tidak berapa lama dahulu bahawa kapal-kapal dagang memainkan peranan yang penting untuk kemenangan pihak British. Kepentingan kapal-kapal dagang tidak boleh dinafikan terutama di masa ini untuk merancang serta kelengkapan untuk masa peperangan.

Dalam perkara ini perhubungan rapat harus diadakan di antara perancang-perancang Tentera Laut serta Jabatan laut untuk menentukan seperti berikut: Satu set pelan kapal harus disimpan di salah satu Jabatan-jabatan itu dan perubahan seterusnya dimasukkan. Maklumat mengenai pelan-pelan itu tidak tahap kerana apabila tuan kapal menyewa kapal itu, pelan-pelan seperti itu mengikut kapalnya. Dengan adanya pelan-pelan itu, ketiga-tiga Jabatan boleh merancang dan menyediakan senarai perkara-perkara yang perlu diganti dan ubahsuai untuk melengkapkan kapal-kapal mengikut tugas barunya sebagaimana yang diterangkan tadi. Kebetulannya kebanyakan barang-barang kelengkapan itu boleh disediakan lebih awal lagi dan disimpan sebagai stok.

Keanggotaan kapal dagang adalah kurang dari 10% dari keanggotaan kapal Tentera Laut yang sama besarnya. Dalam keadaan seseorang

anggota Tentera Laut akan berkurangan untuk bertugas dalam kapal-kapal dagang yang diambil alih oleh Kerajaan. Dengan cara sistem pasukan simpanan yang menggunakan anak-anak kapal dagang masa untuk menyertai kapal-kapal yang diambil alih itu adalah kurang dan juga keperluan anggota-anggota tetap Tentera Laut akan berkurangan. Kapal-kapal dagang boleh dijadikan telinga dan mata di dalam operasi lautan. Selepas Kerajaan menambahkan perairannya pengawasan laut dan luasnya adalah menjadi satu syarat untuk Tentera Laut melaksanakannya. Selepas perhubungan di antara Tentera Laut dan kapal dagang ditubuhkan, maklumat dari kapal dagang dapat digunakan sepenuhnya dengan cara laporan berita-berita dari kapal-kapal dagang dapat ditunjukkan kepada sesuatu pusat perhubungan yang mana berita-berita itu dapat dikaji. Berita-berita itu bukan sahaja untuk memelihara mengelakkan kapal yang dianggap sebagai musuh tetapi untuk aktiviti-aktiviti yang bertentangan keselamatan negara dan laporan cuaca dan juga menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita juga di dalam perairan kita apabila mereka berulang-alik di dalam laut dalam kawasan Malaysia ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Latihan-latihan pengenalan untuk anggota-anggota Tentera Laut di kapal-kapal dagang akan merapatkan pelaut-pelaut. Ini rasa saya sebagaimana saya katakan tadi, ini akan boleh menjaga kepentingan negara kita bersama tentera-tentera laut dan juga kapal-kapal dagang yang berulang-alik. Pada masa ini pelaut-pelaut dari kedua-dua jurusan itu telah tidak bersefahaman oleh sebab objektif-objektif mereka bertentangan di antara satu dengan lain. Dengan adanya kemudahan-kemudahan diberi kepada syarikat-syarikat perkapalan, Kerajaan seharusnya mengkaji permohonan pendaftaran kapal, tempat pendaftaran

kapal dengan lebih teliti lagi supaya Malaysia tidak digunakan sebagai tempat longgok kapal yang saya terangkan sebentar tadi. Penggunaan kapal dagang untuk membantu pihak tentera tidak boleh diketepikan dan undang-undang harus dipinda supaya penggunaan kapal dagang tidak terhalang.

Dalam soal yang lain iaitu Fasal 8 dan Fasal 13 – Pendaftaran. Mengikut di sini hukuman pembatalan pendaftaran kapal-kapal adalah terlalu berat yang mana, sebagai misalannya, nombor pendaftaran akan ditarik balik, pemotongan dalam buku daftaran akan dilaksanakan serta nombor itu diberi kepada orang lain. Sebelum pendaftaran pembaharuan dibuat masa perpanjangan akan dialami oleh pihak tuan punya kapal itu. Kalau tujuan pembatalan itu adalah untuk menghalang kapal-kapal itu digunakan maka pemeriksaan suspension lebih mudah dilaksanakan dengan seterusnya pendaftaran asal dapat disambung dengan kurang masa dan masalah akan dihadapi.

Pendaftaran kapal adalah lebih kurang sama seperti pendaftaran kereta di darat tetapi lebih complicated lagi. Walau bagaimanapun pendaftaran-pendaftaran itu melambangkan satu peringkat dan kebiasaannya seorang tuan punya kapal selepas melabor berjuta-juta ringgit tidak akan dengan sengajanya mengakibatkan pendaftaran itu dibatalkan. Dengan adanya pembekuan atau suspension pendaftaran, maka tuan kapal itu dapat menyelesaikan dengan lebih mudah.

Untuk kapal-kapal yang diambil alih oleh negara, mereka juga harus berdagang selepas tempoh yang telah tamat. Semasa kapal-kapal itu berdagang pendaftaran masih hidup dan tertakluk kepada Undang-undang Merchant Shipping Ordinance 1952 tetapi semasa kapal-kapal itu bertugas dengan Kerajaan, peraturan-peraturannya kurang lengkap untuk mengasingkan kapal-kapal itu ke

peringkat lain. Dengan adanya pegawai-pegawai Kerajaan di atas kapal sahaja tidak menentukan bahawa kapal itu telah diambil alih oleh Kerajaan. Untuk melicinkan pentadbiran pergerakan-pergerakan kapal itu, satu peringkat pendaftaran dicadangkan iaitu pembekuan pendaftaran yang mana selepas kapal itu dipulangkan kepada tuan punya pendaftaran asal dapat menghidupkan kembali.

Pembekuan atau suspension pendaftaran kapal-kapal akan menubuhkan satu peringkat dalam pendaftaran kapal yang akan mengurangkan beban kerja-kerja pentadbiran serta perlindungan dan memendekkan masa.

Tuan yang di-Pertua, dalam soal-soal yang lain iaitu Fasal 16, apabila sesebuah kapal itu disewakan terutama kapal kosong, penyewa kapal itu diiktiraf sebagai owner yang mana beliau mendapat tahu hak-hak sebagai tuan punya kapal kecuali dalam beberapa hal. Penyewa kapal itu boleh menghantar kapal itu ke mana sahaja yang beliau perlu asalkan di dalam kawasan perdagangan yang disetujui. Untuk mengelakkan masa perjanjian untuk berita pergerakan kapal sampai ke Jabatan Laut adalah disyorkan penyewa kapal owner dimasukkan ke dalam senarai orang-orang yang perlu berhubung dengan Jabatan Laut. Oleh itu dalam keadaan ini pada pandangan saya, yang lain tidak perlu untuk diterangkan, hanya sedikit sahaja lagi yang saya harap supaya dapat pihak Kerajaan atau pihak-pihak yang berkenaan iaitu berhubung pelayaran kapal-kapal kita yang mana mengambil masa berbulan-bulan di laut, di lambung ombak dengan keadaan ini anak-anak kapal adalah terdiri daripada mereka yang telah berumah tangga. Kadang-kadang mereka ini akan pergi ke laut hingga berbulan-bulan baru balik. Kadang kala makan 6 bulan, kadang kala makan setahun. Ini boleh mengakibatkan kalau anak lahir, apabila ayahnya balik nanti kemungkinan anak tidak kenal kepada

ayah dan kemungkinan juga dari segi perikemanusiaan atau dari segi keadaan manusia, suami isteri kemungkinan ini akan juga terjadi perkara cerai berai, maklum sahajalah, sudah tinggal 6 bulan ataupun setahun kemungkinan perkara-perkara yang dilarang oleh ugama, ini akan berlaku di kedua-dua pihak.

Oleh itu dalam keadaan ini saya harap pada pandangan saya sebagai negara Islam ini, Malaysia mengamalkan dan juga Perlembagaan Ugama supaya Kerajaan dapat membenarkan iaitu pelaut yang telah berkahwin membawa isteri mereka bersama, mengikut mereka ke dalam laut duduk di dalam kapal bagi mengelakkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi iaitu anak tidak kenalkan ayah, ataupun berkelahi ataupun perceraian akan berlaku di samping itu perkara yang tidak baik tidak akan berlaku dengan adanya isteri sama mengikut suami-suami kalau berjalan lebih daripada 6 bulan atau makan masa yang setahun. Itulah pandangan-pandangan saya. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti lahir pula anak dalam kapal.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tidak apa. Kalau lahir anak dalam kapal, dia kenal bapa. Itulah sahaja pandangan saya dan di samping itu saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kerana dapat mengubah serba sedikit Undang-undang Perkapalan Saudagar 1952 kerana ini boleh dikatakan satu industri baru kepada Kerajaan kita lebih-lebih lagi kepada kaum Bumiputera. Saya juga bersetuju supaya kapal-kapal dagang ini dapat dilebihkan kepada kaum Bumiputera supaya mereka ini dapat mencebur diri di dalam lapangan-lapangan perkapalan ini. Kita tidak mahu Kerajaan kadang kala sungguhpun dalam perkapalan ini rasa saya tidak boleh berjalan dengan seorang sahaja tanpa pengetahuan perkapalan. Oleh itu, kita harap pihak Kerajaan jangan pula ada kalanya

pihak Kerajaan betul, tetapi pihak pegawai-pegawai Kerajaan bila datang untuk temuduga dan sebagainya janganlah pula bertanya berapa jumlah wang, adakah mampu dan sebagainya, kalau tidak mampu tidak boleh.

Dalam hal ini, rasa saya berilah peluang mereka ini bersama-sama dengan bangsa-bangsa lain juga atau joint venture dan sebagainya kerana perkapalan ini rasa saya adalah satu perniagaan yang baru yang harus kita pelajari dengan pihak tertentu. Kita tidak mahu ada pihak-pihak bank yang tidak mahu meluluskan pinjaman wang dan ada juga pihak Kerajaan bertanya begitu keras seperti saya katakan tadi supaya dapat dilonggarkan supaya perdagangan atau industri perkapalan ini dapat berjalan dan kaum Bumiputera juga dapat bersaing dengan kaum-kaum yang lain. Oleh itu dengan ini saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang dikemukakan sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

4.40 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta mengambil bahagian di dalam membahaskan suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 bagi memperluaskan peruntukan-peruntukannya yang tertentu ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang sebentar tadi dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya mengenai dengan Akta meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 ini terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang baharu sahaja dianugerahkan kurnia oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membawa gelaran "Tan Sri".

Tuan Yang di-Pertua, juga izinkan saya di dalam mesyuarat Dewan pada penggal ini untuk saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana rombakan kecil Kabinetnya yang menggambarkan Kabinet "Bersih, Cekap dan Amanah"; ini menggambarkan Kabinet yang setiakawan dan berdedikasi untuk meneruskan khidmatnya kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya sama-sama mendengar pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengenai dengan meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 ini saya amat tertarik kerana Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 ini waktu itu negara kita belum merdeka. Ertinya Ordinan ini atau Undang-undang ini ialah Undang-undang yang ditinggalkan oleh penjajah kepada negara kita apabila kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Maka telah sampai masanya dan wajarlah pihak Kerajaan membentangkan pindaan-pindaan di dalam Parlimen spaya bersesuaian dengan kehendak dan masa perkembangan keadaan negara kita terutama sekali tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa pembentangan dan pindaan Rang Undang-undang ini melibatkan pada amnya mempengaruhi dan dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk ekonomi, politik, keselamatan di dalam dan di luar negeri.

Saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan dan yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang membentangkan pindaan ini terutama sekali kepada saya yang saya anggap amat penting di dalam pindaan ini ialah Fasal 4. Fasal 4 di dalam pindaan ini mewajibkan supaya:-

1. ibu pejabat perbadanan itu diperbadankan di Malaysia.

2. ibu pejabat perbadanan itu hendaklah di Malaysia.

3. pengurusan perbadanan itu sebahagian besarnya dijalankan di Malaysia.

4. majoriti atau peratusan pemegangannya sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri adalah dipegang oleh warganegara Malaysia bebas dari apa-apa amanah atau obligasi bagi faedah oleh orang-orang yang bukan warganegara Malaysia.

5. majoriti atau peratusan pengarah-pengarahnya sebagaimana diputuskan oleh Menteri adalah warganegara Malaysia.

Dan yang penting kepada saya Menteri boleh, jika difikirkan patut, menetapkan kehendak-kehendak lain sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak tersebut di atas.

Ini saya merasakan sesuai dengan kehendak-kehendak dan lingkungan yang ada di keliling kita terutama sekali daripada keadaan sosio-ekonomi, politik dan keselamatan negara kita yang makin membangun ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan-peruntukan, pindaan juga ada peruntukan-peruntukan baru. Maka peruntukan-peruntukan baru yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi juga membayangkan di mana hasrat Kerajaan akan memberikan peluang-peluang kepada rakyat negara kita ini yang berkemampuan untuk mengambil bahagian dan menceburkan diri di dalam bidang perkapalan saudagar ini, kerana selama ini kita tahu kita hanya ada dua sahaja syarikat perkapalan yang dimiliki oleh Malaysia iaitu MISC dan yang dipunyai oleh PETRONAS dan itu pun masih dipegang oleh agensi Kerajaan, belum lagi diserahkan sepenuhnya kepada tangan rakyat untuk mengendalikannya, sedangkan sekarang ini beberapa badan yang telah dibentuk oleh Kerajaan sendiri seperti Amanah Saham Nasional, KUB dan sebagainya

mampu untuk menjalankan perniagaan di dalam bidang perkapalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita menggalakkan penyertaan warga-negara dalam bidang perkapalan maka adalah dikenal pasti bahawa syarikat-syarikat perkapalan terutama syarikat-syarikat perkapalan usaha sama dengan pihak asing supaya dapat dijadikan hasil kepada apa yang dikatakan Persyarikatan Malaysia. Kerana ini adalah satu daripada tujuan Kerajaan untuk menjadikan syarikat-syarikat ataupun perniagaan-perniagaan yang besar di dalam slogan Kerajaan "Persyarikatan Malaysia" ini tadi untuk memberi peluang meluaskan lagi bidang, satu bidang lagi terutama di dalam bidang perkapalan khususnya. Kerana ini pernah dilaungkan, kerana ini pernah dinyatakan beberapa sekali di dalam perhimpunan-perhimpunan politik.

Jika kita berbalik kepada sejarah perkembangan perkapalan di rantau ini 500 tahun atau 600 tahun yang lalu kita nampak bahawa kapal-kapal yang menyerang Melaka sendiri pada tahun 1511 tiada sebesar yang sekarang ini berlabuh di Dermaga Selat Kelang atau dermaga di Kuantan ataupun di Pasir Gudang.

Jika, sekiranya sekarang ini kita mempunyai dermaga-dermaga dalam yang begitu besar, yang boleh menampung kapal-kapal yang besar-besar maka peluang keuntungan yang lebih besar itu hendaklah diberikan kepada rakyat Malaysia sendiri. Maka ini yang saya katakan tadi bahawa Fasal 4 di dalam pindaan Ordinan ini kena pada masanya dan amat penting sekali di dalam zaman pembangunan ini. Ertinya selama ini perbadanan yang tidak diperbadankan di Malaysia. Ertinya selama ini ada lagi ibu pejabat perbadanan yang tidak di Malaysia. Ertinya selama ini ada pengurusan-pengurusannya yang sebahagian besarnya dijalankan di luar Malaysia. Ertinya selama ini majoriti saham-sahamnya dipegang oleh orang luar Malaysia.

Jadi, dengan adanya kesedaran Kerajaan membuat pindaan ini kita mengalu-alukannya dan mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan jika sekiranya kita memandang kepada sejarah perkapalan di perairan kita, kita tidak fikir bahawa kita mampu membina dermaga-dermaga besar. Kita tidak fikir sebelum kita merdeka dahulu kita boleh membina pelabuhan-pelabuhan air dalam yang boleh menampung kapal-kapal dari seluruh pelusuk dunia. Tetapi alhamdulillah, dengan izin, Allah s.w.t. dengan kegigihan pemimpin-pemimpin kita, teraju Kerajaan kita, kita buktikan ini. Dengan membuktikan itu semua kita berharap supaya hasil daripada kegigihan itu akan pulang kepada kita, pulang kepada Malaysia, pulang kepada rakyat Malaysia, pulang kepada kantung Kerajaan kita.

Kerana daripada sumber-sumber itu tadilah yang akan menambahkan lagi pendapatan negara terutama di dalam bidang eksport-importnya, kerana negara kita masih banyak mengeluarkan bahan-bahan yang dihantar keluar negara, negara asing, negara-negara lain yang masih menggunakan kapal.

Misalannya daripada angka 71 buah kapal yang didaftarkan pada tahun 1973 kepada 251 buah kapal pada tahun 1981, jumlahnya besar, tetapi jika kita bahagikan kepada peratusnya bahawa peratus yang didaftarkan ialah 3.8% pada tahun 1973 jatuh kepada 3.1% pada tahun 1981. Saya percaya angka ini angka yang telah ketinggalan 1-2 tahun, kemungkinan Yang Berhormat Menteri mempunyai angka-angka baru untuk diterangkan supaya kita dapat membandingkan sejauh mana sepatutnya peluang-peluang itu akan dapat kepada kita.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan apa yang dinamakan zon ekonomi. Kalau saya

tidak silap definisi zon ekonomi ini dimasukkan ke dalam satu undang-undang di dalam negara kita.

Seperti yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, zon ekonomi ini seluas 200 batu ke laut notikal. Ini adalah tuntutan yang dibuat oleh negara-negara yang sedang membangun di beberapa Persidangan Antarabangsa mengenai dengan undang-undang perairan, dan isu ini telah diperdebatkan dengan begitu hebatnya kerana beberapa buah negara yang maju masih tidak bersetuju dengan cadangan ini dan tidak menerima konsep zon ekonomi ataupun pelaksanaannya. Maka di sini saya ingin merujuk kepada Fasal 31 yang memasukkan tiga seksyen baru, antara lainnya:

“Fasal 31 bertujuan memasukkan tiga seksyen baru iaitu seksyen 65R, 65S dan 65T. Seksyen 65R memberi kuasa kepada Pegawai Pelabuhan dan pegawai kastam menaiki kapal di sesuatu pelabuhan atau dalam perairan wilayah atau di dalam zon ekonomi eksklusif bagi maksud.....”

Dan sekiranya didapati sebuah kapal itu yang berada dalam kawasan yang tersebut tidak memenuhi keperluan yang terkandung dalam Rang Undang-undang itu maka kapal atau tuannya kapal itu hendaklah didakwa dalam mahkamah.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, tentulah timbul pertanyaan apakah yang akan terjadi sekiranya kapal-kapal saudagar yang terlibat itu dari sebuah negara yang tidak menerima konsep zon ekonomi? Adakah ini akan menimbulkan suatu masalah undang-undang antarabangsa dan sekiranya timbul satu masalah dari segi undang-undang antarabangsa itu, maka adakah kita dapat mempertahankan tindakan kita terhadap kapal atau tuannya kapal tadi.

Yang keduanya ialah sekiranya peristiwa menolak hak pegawai kita

untuk menaiki kapal-kapal yang tertentu di dalam zon ekonomi itu tadi berlaku untuk mempertahankan kedaulatan negara, adakah Kerajaan kita akan memberi sokongan tentera, kawalan keselamatan yang secukupnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka seperti yang diperuntukkan di dalam undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sama ada daripada kaum bumiputera khususnya ataupun bukan bumiputera mengenai dengan ilmu pelaut atau pelayaran ini, saya rasakan kita tidak kalah dengan bangsa-bangsa asing, negara-negara lain yang mempunyai pelaut-pelaut yang boleh mengelilingi dunia, kerana orang Melayu khususnya juga orang bukan Melayu adalah biasa merantau mengikut laut, menjadi pelaut datang beribu-ribu batu. Dengan adanya pelaut-pelaut ini daripada anak negeri, maka kita mengharapkan supaya syarikat-syarikat kapal saudagar yang diperbadankan di Malaysia ini diwajibkan mengambil pekerja-pekerjanya, diwajibkan mengambil pegawai-pegawainya di dalam kapal itu daripada peringkat setinggi-tingginya, daripada anak, daripada rakyat Malaysia, kerana kita juga mempunyai Sekolah Akademi Laut, sebuah maktab yang mengajar anak rakyat kita sebagai pelaut. Jadi kita kena menentukan kepada syarikat-syarikat atau kapal-kapal saudagar yang diperbadankan di dalam Malaysia mengikut Fasal 4 tadi dan operasinya dijalankan dari Malaysia ini diwajibkan supaya mengambil anak-anak kapalnya, pegawai-pegawai dalam kapalnya daripada rakyat Malaysia.

Selain daripada kita dapat memberi peluang pekerjaan, yang pentingnya kita juga dapat pengalaman sebagai pelaut, berpeluang belayar dan mengendalikan kapal-kapal saudagar yang lebih besar daripada kapal-kapal MAJUikan yang ada di perairan kita, daripada kapal-kapal ronda kita yang sentiasa meronda di perairan kita, kerana kalau

dibandingkan kapal-kapal saudagar yang membawa dagangan kargo keluar masuk di dermaga kita tentulah lebih besar daripada kapal-kapal Angkatan Tentera kita ataupun kapal-kapal MAJUIKAN. Jadi di sini terdapat peluang-peluang dan pengalaman. Kalau Kerajaan sekarang ini menggalakkan anak-anak kita mencari pengalaman di dalam konsep memandang ke Timur, dihantar ke Jepun dan Korea maka dengan ini tidak payah lagi dihantar ke Jepun atau Korea, dimasukkan sahaja ke dalam kapal saudagar tadi, dengan sendirinya ia akan dapat belajar dengan begitu baik selain daripada sumber hidupnya, dapat daripada operasi kapal yang diperbadankan di Malaysia dan operasinya dijalankan dari Malaysia.

Tadi saya telah sebut bahawa negara kita ini negara pertanian dan sedang di dalam proses untuk menuju ke arah negara perindustrian. Kita masih banyak mengeksport bahan-bahan mentah keluar negeri dan kebanyakan urusan-urusan eksport bahan-bahan mentah tersebut dilaksanakan dengan kapal-kapal yang besar-besar. Kita tidak mempunyai banyak kapal, tetapi yang Berhormat Menteri tadi di dalam membentangkan Akta ini menyatakan bahawa kapal yang diperbadankan di dalam Malaysia ini ada 451 buah, termasuklah kapal-kapal yang menjalankan urusan eksport ataupun import mengenai dengan bahan-bahan pertanian dan keperluan-keperluan pertanian seperti baja untuk pertanian di dalam negara kita, daripada negara di mana negara kita membeli baja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri mengaku saya tidak ada pengetahuan langsung dalam bidang perkapalan ini tetapi oleh kerana apa yang saya tahu hanya ada MISC sahaja dan perkapalan PETRONAS yang digunakan untuk urusan minyak nasional kita, PETRONAS kita, walau bagaimanapun, saya memikirkan dari sudut tukaran wang asing misalnya. Dari sudut tukaran wang asing kita telah rugi banyak akibat daripada peninggalan

atau kecuaiannya untuk menitikberatkan di dalam bidang ilmu perkapalan. Dengan adanya kesedaran ini tadi wujud di kalangan kita dan dengan adanya pindaan ini kita berharap supaya lebih banyak lagi didaftarkan kapal-kapal saudagar, lebih ramai lagi bilangan pemilik-pemilik kapal saudagar, lebih ramai lagi bilangan pemilik-pemilik kapal saudagar di kalangan warganegara kita dengan sendirinya tukaran wang asing tadi tidak akan lari ke negeri lain. Kalau tadi di dalam soal-jawab mulut kita berlaku kerugian dari tukaran mata wang yang kecil dengan negara jiran, apa lagi tukaran wang dengan negara yang lebih jauh yang menggunakan keperluan pengangkutan yang begitu banyak setiap masa dan setiap hari.

Dalam hubungan eksport bahan-bahan mentah negara kita dan dalam usaha kita memperbanyakkan pendaftaran kapal-kapal saudagar dalam negara kita ini, kita perlu juga ingat serta teliti bahawa penekanan untuk memperbanyakkan pendaftaran kapal-kapal asing dalam negara kita, ini juga harus mengambil kira bahawa kapal-kapal saudagar yang hendak kita daftarkan itu perlu kita teliti, perlu kita perhati, perlu kita titikberatkan dari segi mutu (quality) kapal-kapal itu sendiri, jangan kapal yang sudah tiga suku umur macam sampan yang digunakan oleh pelarian Vietnam didaftarkan 6 bulan tersadai.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok di Tanjong Surat di Selat Johor, antara Tanjong Surat dengan Singapura di sebelah Seletar, beberapa buah kapal-kapal kargo yang besar-besar mengikut cerita Tok Penghulu, Ketua Kampung di situ, kapal itu telah berlabuh di situ kerana rosak berbulan-bulan, ada yang telah bertahun-tahun, mengganggu nelayan-nelayan pantai, mengganggu nelayan-nelayan kita yang hendak mencari rezki. Selain daripada kedudukan kapal itu yang dilabuhkan di situ beberapa bulan, kerana di situ juga serokan atau telok tempat di mana sumber rezki nelayan-nelayan kita

mencari makan, tetapi tumpahan minyak, buangan benda-benda yang dibuang daripada kapal itu mengganggu. Saya percaya sama ada kapal itu kapal yang didaftarkan di Malaysia atau tidak, tetapi kita kena kaji supaya kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia yang operasinya akan dibuat dari Malaysia tidak akan tersadai, tidak akan berlabuh sehingga berbulan-bulan, bertahun-tahun sehingga mengganggu ketenteraman, mengganggu kepada rakyat kita yang hendak mencari rezki di tempat itu. Itu satu contoh yang dapat saya berikan kepada Yang Berhormat Menteri, soal demikian mengapa berlaku di Tanjung Surat itu kapal dagang yang besar-besar berlabuh bertahun-tahun di situ.

Saya khawatir dengan adanya kapal yang berlabuh berbulan-bulan, bertahun-tahun itu menjadi tempat perlindungan kepada pencuri-pencuri pasir di situ yang melarikan pasir kita ke sebuah negara jiran dan saya khawatir kapal-kapal yang didaftarkan, sama ada didaftarkan atau tidak yang berlabuh begitu lama di perairan kita, menjadi tempat sembunyinya golongan-golongan orang-orang jahat, anti nasional, penyeludup-penyeludup dadah, narkotik dan sebagainya, tempat penjenayah-penjenayah melarikan diri.

Dan juga tidak menjadi satu perkara luar biasa kalau saya katakan bahawa di kapal-kapal yang berlabuh begitu lama juga tempat berlakunya skandal-skandal pelacuran. Kita pernah dengar di beberapa pelabuhan kecil, misalnya di Telok Intan, di Pelabuhan Dalam di Pulau Pinang di mana sindiket menjual perempuan-perempuan Malaysia, menjual juga perempuan-perempuan yang diseludup daripada negara jiran, di utara negara kita untuk disewakan kepada kelasi-kelasi kapal yang berlabuh. Tetapi saya rasa dengan adanya kapal yang berlabuh begitu lama, kalau seorang sahabat saya tadi kata pelaut-pelaut yang 5-6 bulan diperlukan supaya isterinya mendampingi-

nya supaya tidak berlaku perceraian dan sebagainya, tetapi bagaimana dengan kelasi-kelasi kapal yang berlabuh begitu lama, mereka juga laparkan nafsu batin, ini tempat akan berlakunya skandal pelacuran secara tidak rasmi.

Saya percaya daripada kapal-kapal sama ada yang didaftarkan di Malaysia atau tidak, tetapi rosak dan berlabuh begitu lama, tempat berlakunya penyeludupan barang-barang yang ditegah masuk ke dalam negara kita ini, di situ tempat berlaku penyeludupan. Kalau sekarang ini heboh kita perkatakan anak-anak kita di sekolah-sekolah menengah menengok video lucah, ada mereka yang menyewakan tape video lucah kepada anak-anak sekolah menengah, ini kita tidak hairan. Boleh jadi tape ini ada di kapal-kapal yang rosak yang berlabuh tadi daripada dibiarkan di situ lama-lama, diseludupkan ke pantai yang berhampiran, maka disalin balik di tanah darat di tempat kita ini, maka itulah berleluasanya kejadian-kejadian yang seumpama itu sekarang ini. Menteri Dalam Negeri akan mengambil tindakan tegas, saya ucapkan terima kasih dan tahniah di atas keyakinannya untuk membasmi keadaan itu, tetapi penguatkuasa ini hanya terdapat memeriksa kapal itu sekali, dua kali, apabila diperiksa tidak ada barang-barang yang salah dari segi undang-undang negara kita, penguatkuasa kita pun turunlah. Tetapi tidakkah manusia yang ada di kapal itu tentu dia lebih tahu di mana tempat hendak menyorokkan barang-barang yang semacam itu. Sebab itu saya katakan tadi bahawa quality kapal yang hendak didaftarkan di dalam Malaysia ini hendaklah dititikberatkan.

Kita tidak mahu seperti berlaku dalam satu negara, semua kapal yang berjalan dalam dunia ini, minta izin Tuan Yang di-Pertua, didaftarkan di Panama, jadi sehinggakan kapal yang membawa musuh hendak menyerang negara pun berdaftar di Panama. Kita tak mahu besok kapal didaftar di

Malaysia sampai di Tanjung Pengharapan dapat tangkap di sana bawa narkotik, bawa dadah, bawa ganja kapal Malaysia, jadi nama Malaysia yang buruk. Jadi, ini semua yang kita perlu titikberatkan supaya nama baik negara kita terjamin, supaya tidak rosak susu sebelanga kerana nila setitik, tidak rosak perniagaan perkapalan Malaysia kerana sebuah kapal yang didaftarkan yang kita tidak jaga pemilikinya, keadaan kapalnya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, di dalam kita membahaskan Akta Perkapalan Saudagar 1952 untuk memperluaskan lagi ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak ini, kita perlu memikirkan jika sekiranya nanti berlaku sebagaimana ura-ura Kerajaan akan menjalankan perusahaan pengangkutan daripada Semenanjung ke Kuching dan ke Kota Kinabalu dengan feri ataupun dengan kapal.

Di perairan di antara Semenanjung di Laut China yang ada di sebelah selatan Semenanjung dan di sebelah utara Sabah dan Sarawak yang saya tahu mempunyai kedudukan alam dengan pulau, dengan batu karang yang banyak, sebab itu kalau tadi timbul di dalam Dewan ini kapal yang tenggelam di Laut China, ini ialah oleh kerana kurang cermatnya, sebab pada masa itu pengetahuan sains dan teknologi ini belum begitu tinggi, jadi kalau ada batu karang, ada pulau batu pun tidak nampak hanya berdasarkan kepada gerak air sahaja sedangkan di sekeliling perairan kita ini banyak tempat-tempat yang seperti itu yang sepatutnya Kerajaan mengambil berat supaya kejadian kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia ini tidak akan mengalami kerugian kerana berlakunya accident di perairan kita.

Selain daripada itu dengan adanya memperbadankan kapal-kapal saudagar di Malaysia ini akan memberikan keuntungan kemasukan pelancong-pelancong ke dalam negara kita yang semata-mata melancong atau kepada

pedagang-pedagang, saudagar-saudagar yang datang ke negara kita ini untuk menanam modal dan untuk mencurahkan wangnya di dalam negara kita ini, ini juga satu sumber kewangan yang akan menambahkan lagi pendapatan negara kerana di sekeliling perairan kita ini banyak lagi pulau-pulau yang sepatutnya boleh dijadikan tempat-tempat pelancongan yang baik, pelancongan yang aman daripada gangguan-gangguan orang-orang yang tidak kita ingini dengan satu cara iaitu setiap kapal yang didaftarkan di dalam negara kita ini ataupun kemasukan tadi, bot-bot kecil supaya dapat diberikan satu panduan, dapat diberikan satu garisan bahawa mereka adalah turut sama bertanggungjawab menjaga kebersihan pantai, kebersihan laut untuk memberikan ketenteraman kepada pelancong-pelancong yang melancong ke pulau-pulau di perairan negara kita, sama ada pelancong daripada dalam ataupun daripada luar negeri supaya kawasan-kawasan pelancongan sentiasa terpelihara dan sentiasa akan dikunjungi oleh pelancong-pelancong yang akan membawa tukaran wang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu dengar kemalangan jalanraya, Kempen Keselamatan Jalanraya tetapi kempen keselamatan motor boat misalnya, terutama speed boat, kalau kita biasa ke Sarawak di Batang Rejang misalnya, di Batang Niah, di Barowit, di Mukah sana, motor botnya, speed botnya laju-laju, kalah kita punya Mercedes 300. Jadi sepatutnya dengan adanya motor bot-motor bot yang digunakan oleh rakyat kita ini kebanyakan daripada pemandu-pemandu bot ini juga diberikan kursus-kursus yang baik, panduan-panduan yang baik dan kalau kita lihat sekali gus adakah mereka ini ada mempunyai peraturan-peraturan seperti pemandu-pemandu kereta di jalanraya kerana kemalangan nyawa juga berlaku di sungai di perairan kita yang digunakan oleh rakyat yang menggunakan bot tambang kerana bot tambang di sebelah Sabah dan Sarawak sana juga menggunakan alat hawa

dingin yang larinya laju dan muatannya juga kadang-kadang menggerunkan kita sedangkan sungai yang besar-besar seperti di Batang Rejang, di Batang Niah itu kayu-kayu balak adalah mengalir ke kuala mengikut sesuka hati terutama kayu-kayu balak yang tidak dipakai dibuang oleh pembalak-pembalak ke sungai untuk membersihkan kawasan-kawasan melancong mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang saya fikir di dalam kita membahaskan Akta meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang telah dibahaskan oleh beberapa orang Ahli Dewan ini tadi beberapa perkara yang saya fikir patut Kerajaan pada masa ini mewujudkan satu institusi pengajian tinggi mengenai perkapalan.

Tadi saya sebut kita memang ada sekolah perkapalan di Lumut kalau tak salah saya, Kerajaan dalam mewujudkan satu institusi pengajian tinggi mengenai perkapalan dan ilmu laut, ertinya kita akan mampu mengeluarkan kalau zaman dahulunya dikatakan mualim-mualim bukan sahaja juragan-juragan, mualim-mualim, kapten-kapten kapal yang mahir bukan sahaja di perairan kita malahan di perairan ASEAN khususnya, di perairan Laut ASEAN ini supaya dapat kita menggunakan tenaga bakat anak-anak Malaysia yang cenderung di dalam bidang ini tidak semata-mata berkelayakan memandu seperti saya katakan tadi untuk bot-bot MAJU-IKAN yang dibuat oleh limbungan MARA kita di Terengganu sana. Jadi kapal ataupun bot-bot kita yang dibuat oleh limbungan MARA di Terengganu sana, itu adalah bot-bot kecil untuk menyeberang di antara Pelabuhan Kelang dengan Pelabuhan Lumut sahaja. Jadi, kita sekarang ini sudah mempunyai dermaga dalam dua, tiga tempat memerlukan kapal-kapal besar maka kita memerlukan kapten-kapten, pelaut-pelaut yang mahir di dalam ilmu perkapalan maka itu saya syorkan supaya Kerajaan mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi di dalam

bidang-bidang perkapalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya sebutkan supaya setiap kapal saudagar yang diperbadankan di Malaysia yang operasinya dijalankan dari Malaysia dan di dalam Ceraian 4 ini tadi, di dalam Huraian pindaan ini yang diputuskan oleh Menteri, majoriti atau peratusan pemegang saham – ini mengenai dengan saham, ertinya selama ini kita belum lagi menggalakkan di dalam bidang perkapalan ini.

Cuba kalau kita singkap sejarah perkapalan membawa jemaah haji dengan kapal Ansonnya, kapal Ankingnya, kapal Kuala Lumpurnya yang membawa jemaah haji – ini cerita 12, 15 tahun yang lampau, tetapi oleh kerana sekarang ini sudah tidak ada lagi jemaah haji kita yang mahu pergi menunaikan haji dengan kapal laut kerana memakan masa yang lama, jadi kita tukarkan pengangkutan itu tidak semata-mata untuk jemaah haji tetapi di dalam bidang pertanian tadi, di dalam bidang eksport/import mengenai dengan pertanian, mengenai dengan pembalakan dan sebagainya, masih banyak. Negara kita masih kaya dengan sumber alam yang seperti itu.

Kalau 32 tahun dahulu di tempat saya misalannya orang Jepun sanggup memecahkan sebuah bukit batu di satu mukim namanya Mukim Medan di mana arang batunya itu diangkat oleh kapal-kapal ke negeri Jepun, pengangkutan yang seperti itu telah dilihat oleh bangsa kita, pengangkutan laut yang seperti itu yang telah mengorek, yang telah mengangkut kekayaan negara kita sekian lama. Jadi saya percaya masih banyak lagi sumber alam di dalam negara kita ini yang memerlukan pengangkutan kapal khususnya.

Jadi, sebab itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana membuat pindaan Perkapalan Saudagar tahun 1952 ini supaya perkembangan perkapalan dalam negara kita akan bertambah pesat supaya kita tidak hanya

mempunyai MISC dan juga sebuah lagi syarikat kapal PERNAS atau PNSL, Malaysia akan mempunyai banyak kapal-kapal yang diperbadankan di Malaysia yang saham-sahamnya dimiliki oleh warganegara Malaysia. Ini maksud saya, saham yang dimiliki oleh warganegara Malaysia. Jika sekiranya dahulu ladang-ladang getah misalnya kebanyakannya dimiliki oleh mereka dan dimonopoli oleh mereka yang datang daripada barat, tetapi secara perlahan-lahan, secara peringkat demi peringkat, sekarang ini ladang-ladang yang besar atau lombong-lombong yang besar itu melalui daya usaha Kerajaan dapat dijadikan milik rakyat melalui koperasi-koperasi, melalui syarikat-syarikat yang pada mulanya dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan dan kemudian saham-sahamnya dijual kepada rakyat.

Maka begitulah harapan saya dalam bidang perkapalan ini, Kementerian Pengangkutan akan mendaftarkan seberapa banyak kapal-kapal yang baik-baik, kapal-kapal yang teguh diperbadankan, kemudian diwajibkan supaya saham-sahamnya dipegang oleh rakyat Malaysia seberapa banyak yang boleh dan pengarah-pengarahnya juga diputuskan oleh Menteri hendaklah daripada warganegara Malaysia juga supaya mereka memahami keadaan dan suasana sosio politik dan ekonomi Malaysia.

Ini harapan kita supaya perkembangan dan kesetabilan politik kita akan selari dengan keutuhan ekonomi dan kesetabilan politik dan keutuhan ekonomi kita akan menjamin keselamatan negara kita dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian perbincangan yang dapat saya berikan di dalam memberikan sokongan sepenuhnya kepada suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar tahun 1952 di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri.

5.23 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya Tuan Jaafar Harun, Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah dan Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom oleh kerana memberi sedikit sebanyak pandangan ke atas Rang Undang-undang ini yang akan dipinda dengan persetujuan Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat tadi telah membangkitkan beberapa prinsip atas mustahaknya supaya perkapalan saudagar di negara Malaysia ini dikuasai oleh warganegara Malaysia. Ini yang menjadi asas pandangan-pandangan mereka. Mereka juga memberi pandangan dan teguran tentang mustahaknya supaya perkapalan-perkapalan saudagar ini diadakan satu mutu yang tinggi dan supaya anak-anak Malaysia sendiri menjadi pelaut-pelaut dan menjadi kapten-kapten, nakhoda-nakhoda dan malim-malim dalam kapal-kapal tersebut. Inilah juga harapan Kementerian Pengangkutan dan juga harapan Kerajaan.

Dan saya bersetuju juga bahawa pihak kaum Bumiputera khasnya hendaklah diberi galakan yang lebih lanjut supaya mereka yang ada berminat untuk mengambil bahagian dalam perkapalan saudagar ini boleh diberi peluang.

Dan dalam ketiga-tiga perkara ini, harapan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini iaitu juga harapan saya sendiri dan harapan Lembaga Perlesenan Kapal-kapal dan juga harapan Kerajaan supaya negara Malaysia akan menjadi sebuah negara yang benar-benar boleh dikatakan maritim. Saya bersetuju bahawa dalam masa yang lampau negara ini khasnya orang Melayu sudah mengadakan satu tradisi ke laut. Tetapi tradisi ini tidak boleh terbiar sahaja seperti ini dengan tidak ada sokongan, dorongan dan perlindungan dari

Kerajaan dan semata-mata tujuan pindaan Rang Undang-undang ini adalah supaya memberi perlindungan seperti itu.

Dan tradisi tidak boleh terbiar sahaja dengan tidak adanya pihak tertentu yang boleh membuat polisi supaya tradisi itu dapat dikawal dan diberi perlindungan. Benar ada juga syarikat-syarikat perkapalan yang wujud di sini di mana menjadi, dengan izin, "front" di mana pelaburan-pelaburan datang dari negara asing, di mana kepakaran datang dari negara asing, di mana pengurusan datang dari negara asing.

Ini saya sedar dan Lembaga Perlesenan pun sedar ada diwujudkan dalam negara ini beberapa syarikat yang menggunakan nama-nama orang tempatan sebagai satu "front" sahaja. Tetapi dengan adanya kesedaran seperti ini bahawa kami sudah membuat beberapa pindaan supaya bolehlah Lembaga Perlesenan dan Kementerian Pengangkutan mengawal dengan lebih teliti lagi, dengan lebih mendalam lagi syarikat-syarikat tersebut dan sedikit demi sedikit kami akan menggalakkan mereka supaya menukar cara mereka mengadakan perniagaan di sini supaya benar-benar menjadi syarikat-syarikat Malaysia.

Tetapi ini satu perkara yang boleh dikatakan sukar untuk dibuat dengan serta merta oleh kerana kepakaran yang sedia ada dalam semua bidang perkapalan, kepakaran perkapalan bukan sahaja semata-mata dengan adanya kemampuan untuk membeli kapal, tetapi ada juga melibatkan lain-lain agensi seperti kata Ahli Yang Berhormat Dato Haji Abdul Razak tadi khasnya mesti diadakan kepakaran dalam beberapa bidang insurans dan supaya sumber-sumber kewangan boleh didapati dengan lebih baik. Tetapi apabila beliau menekankan iaitu supaya apabila kami warganegara ini membeli kapal-kapal yang berharga berjuta-juta ringgit mesti diadakan nasihat dan garis panduan yang tertentu, ini saya bersetuju sangat dan mereka yang

hendak ataupun ada berminat untuk berkecimpung mengambil bahagian dalam satu industri yang baharu dan moden ini bolehlah mereka mendapat nasihat dari Jabatan Laut. Oleh kerana Pengarah-pengarah Jabatan Laut ialah mereka yang sudah mempunyai pengalaman dalam bidang ini.

Mereka yang dahulu menjadi kapten-kaptenships bila dia berhenti dalam perkhidmatan seperti itu, mereka menjadi Pengarah Jabatan Laut dan mereka adalah orang yang berpengalaman oleh kerana mereka juga dahulu bekerja dengan syarikat-syarikat perkapalan laut yang besar di luar negeri dan sebagainya.

Di sini juga saya hendak menyentuh tentang latihan. Latihan untuk kelasi-kelasi memang ada di dalam satu Akademi Laut yang telah lama ditubuhkan di Melaka, tetapi saya pun bersetuju barangkali dalam lingkungan ini ataupun had ataupun latihan yang diberi di Akademi itu boleh diperluaskan lagi dan saya telahpun membincangkan perkara itu dengan Akademi Laut Melaka dan juga dengan beberapa institusi-institusi pelajaran tinggi itu jikalau Malaysia benar-benar akan menjadi sebuah negara maritim ada juga mustahaknya sebab dalam tingkatan tertinggi lagi pegawai-pegawai yang suka hendak menjadi pegawai laut bolehlah mendapat latihan dalam bidang ini.

Ada juga Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang mustahaknya Malaysia mendapat suatuimbangan dari segi perkhidmatan akaun luar negeri.

Ini satu perkara yang sangat penting oleh kerana seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat katakan Malaysia ini kaya dengan sumber alam tetapi apa yang kita eksport diangkut oleh kapal-kapal asing. Di dalam perkhidmatan akaun (services accounts), tambang dan 'freight charges', perbelanjaan untuk mengangkut barang-barang dieksport ke luar negeri menjadi satu angka yang

boleh dikatakan amat menakutkan. Oleh kerana itu Kerajaan sedang mengkaji dengan teliti masalah tentang pengangkutan khususnya ke luar negeri supaya freight dan isuran boleh diijamatkan dengan menggunakan kapal-kapal persendirian.

Di sini Kementerian Pengangkutan juga telah mengadakan beberapa pebincangan dengan negara-negara lain supaya dapatlah perjanjian perkapalan 'maritime agreement' di mana kedua-dua pihak boleh bersetuju, misalnya, jika kita eksport getah ke negara yang lain, getah yang berkenaan diangkut oleh kapal-kapal Malaysia.

Di sini walaupun ada dua buah kapal yang terkenal iaitu MISC dan PNSL, kedua-dua buah syarikat ini menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan cara komersil tetapi dalam dua-tiga tahun yang lampau kedua-dua syarikat itupun mengalami beberapa masalah oleh kerana kemelesetan ekonomi sedunia dan kedua-dua syarikat ini pun mengalami kerugian.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa Kerajaan tidak akan menggalakkan dan berusaha untuk menggalakkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat perkapalan ditubuhkan di negara ini dan diberi galakan.

Di dalam beberapa belanjawan yang lampau insentif-insentif telah diberikan kepada syarikat-syarikat itu supaya mereka bolehlah terus maju dan dapat bersaing dengan syarikat-syarikat perkapalan yang ditubuhkan di luar negeri.

Ada satu perkara yang saya hendak sentuh tentang kekhuatiran Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom tentang kapal-kapal yang beliau katakan telah tersadai iaitu di Tanjung Surat Johor. Ini satu masalah bahawa bukanlah bermakna bahawa Kementerian Pengangkutan tidak mengetahui tentang masalah itu tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi negara sedunia, ada juga syarikat perkapalan asing yang telah meminta

kebenaran dari Jabatan Laut supaya kapal-kapal mereka boleh, dengan izin, 'put in storage' dengan beberapa syarat bahawa kapal-kapal itu mesti mengadakan atau mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan dan tidak bercanggah ataupun menghalang lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil ingatan juga bahawa barangkali kapal-kapal yang ada di situ mungkin boleh menjadi satu masalah dari segi sosial dan saya akan mengingatkan Jabatan Laut supaya lebih berwaspada tentang perkara ini.

Saya tidaklah berhajat untuk memberikan jawapan, Tuan Yang di-Pertua, satu persatu atas beberapa pandangan yang telah dihuraikan dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya telahpun mengambil ingatan atas semua perkara itu. Cuma saya hendak tekankan sedikit lagi bahawa memang menjadi hasrat Kerajaan dan Kementerian Pengangkutan, Lembaga Perlesenan supaya lebih lagi orang-orang warganegara khususnya kaum bumiputera mengambil bahagian dalam bidang ini kerana kita hendak menghidupkan semula tradisi laut dalam negara ini.

Saya harap dengan adanya sokongan dari Ahli-ahli Yang terhormat di Dewan yang mulia ini, hasrat Kementerian Pengangkutan, hasrat Kerajaan dan hasrat Ahli-ahli Yang Berhormat itu bolehlah dapat dicapai.

Saya tidak ada pandangan-pandangan lain melainkan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jika terdapat soalan-soalan yang tidak saya jawab, tetapi ini ada dalam ingatan dan juga ada perkara yang mustahak di mana dalam Rang Undang-undang ini barangkali yang pertama Kerajaan sudah membuat definasi tentang exclusive economic zone dan juga ada Ahli Yang Berhormat mengatakan jika timbul satu masalah di

mana negara asing tidak mematuhi undang-undang kita macam mana? Barangkali boleh timbul 'conflict of law' tetapi ini adalah satu undang-undang domestik dan sebagai sebuah kerajaan kita akan mengambil tindakan sewajarnya jika ada mereka yang datang dari luar negeri yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan sedikit sebanyak penjelasan tentang soalan-soalan yang telah ditimbulkan dan tentang mustahaknya kita bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan tentang menggunakan kapal-kapal saudagar dalam masa peperangan.

Perkara inipun saya mengambil ingatan oleh kerana saya dapati juga bahawa misalnya di United Kingdom ada satu tradisi di mana Royal Navy dan merchant navy ada bekerjasama dalam masa-masa darurat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ini saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENJENAYAH FUGITIF KOMANWEL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda peruntukan-peruntukan seksyen 1, 2 dan Bahagian III Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 untuk meluaskan pemakaian Akta tersebut ke Brunei Darussalam. Pada masa ini Akta tersebut hanya berkuatkuasa pemakaiannya di antara Malaysia dan Singapura sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Brunei Darussalam bersetuju meluaskan pemakaian Akta ini. Di antara sebabnya termasuklah kedudukan Sabah, Sarawak dengan Brunei sangatlah dekat yang membolehkan fugitif Brunei dapat bersembunyi di Sabah dan Sarawak dan begitulah sebaliknya. Dengan berkuatkuasa Akta ini maka procedure untuk menangkap dan mengembalikan seseorang fugitif itu akan menjadi lebih ringkas dan mudah daripada menggunakan cara-cara lain.

Mengikut peruntukan-peruntukan ini jika Brunei memerlukan seorang fugitif yang telah melarikan diri ke Malaysia untuk dikembalikan semula ke Brunei, mahkamah Brunei hanya perlu mengeluarkan waran tangkap terhadap fugitif tersebut. Dengan waran

tangkap itu mahkamah di Malaysia boleh mengeluarkan waran untuk menangkap orang itu. Selepas ditangkap orang itu akan dikemukakan ke hadapan majistret Malaysia bagi menentukan sama ada tuduhan di atas kesalahannya di Brunei itu berasas atau tidak. Jika cukup buktinya fugitif ini akan dikembalikan ke Brunei. Procedure yang sama seperti ini boleh juga digunakan untuk fugitif Malaysia yang lari ke Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan undang-undang bersaling itu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penjenayah fugitif antara Malaysia dengan Brunei maka perkara-perkara yang berkaitan dengan penjenayah fugitif di antara kedua-dua negara bolehlah diambil tindakan sama seperti tindakan yang dibuat di antara Malaysia dengan Singapura pada masa ini.

Sukalah saya memaklumkan perkara-perkara yang berkaitan dengan extradisi ini hanya meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan fugitif jenayah sahaja tidak termasuk fugitif lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.44 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil perbincangan sedikit berhubung dengan Suatu Akta untuk meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 yang mana dengan ringkasnya telah diterangkan

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi meluluskan Rang Undang-undang ini yang boleh memasukkan Brunei Darussalam untuk dapat diselaraskan bersama Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam berhubung dengan Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967.

Dalam soal ini saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Malaysia, Singapura dan juga Brunei yang sama dengan kerajaan kita untuk menjalankan undang-undang iaitu bagi mengawasi penjenayah-penjenayah yang dikatakan berhubung dengan hal ini tidak dapat melarikan diri mereka ke negeri-negeri yang tersebut jikalau mereka membuat jenayah-jenayah dalam negeri ini. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya dalam masalah ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya rasa Rang Undang-undang ini juga jarang-jarang kita dengar dan adakah buat masa ini penjenayah-penjenayah yang tersebut di dalam Malaysia ini lari ke Brunei Darussalam ataupun yang ada di Brunei Darussalam juga lari ke dalam negara kita ini yang orang-orang itu masih ada dalam negeri kita, yang mana dikatakan tadi Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 itu adalah meliputi satu sahaja penjenayah tidak termasuk penjenayah politik. Oleh itu, saya ingin bertanya, adakah di masa yang akan datang juga akan dapat dimasukkan ahli-ahli politik yang mana bosan dengan keadaan negara kita ini akan lari ke negeri lain bagaimana kita akan mengambil tindakan kepada mereka itu.

Dan akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas Rang Undang-undang Fugitif yang dibentangkan dalam Dewan ini dan juga kita ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan dan Kerajaan Brunei Darussalam yang sama-sama dengan negara kita untuk menjaga keamanan negara Brunei, Singapura dan juga Malaysia. Dengan itu saya sama-sama menyokong atas Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

5.47 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberikan sedikit pandangan mengenai Akta untuk meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 yang baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya berpendapat bahawa pemakaian Undang-undang Penjenayah Fugitif ke negara Brunei Darussalam adalah satu langkah untuk merapatkan lagi penggunaan undang-undang yang diselaraskan dengan negara Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam adalah negara-negara yang pada asalnya menggunakan undang-undang yang dibawa daripada British dan sesuai juga dengan keadaan negara kita sebagai anggota dalam negara-negara Komanwel. Dengan pemakaian undang-undang ini bagi menambahkan perkataan negara Brunei Darussalam memanglah kena pada tempatnya kerana seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu negara yang paling dekat sekali iaitu jiran kepada negara Brunei ialah Sabah dan Sarawak. Orang-orang Sabah boleh datang ke Brunei dengan menggunakan jalan kaki di sempadan dan sebagainya. Demikian juga negeri Sarawak yang mana ia mempunyai jalanraya yang sedia ada di antara bandar Kuala Belait ke Baram dan terus ke Miri dari sana mereka sudah masuk dalam kawasan negeri Sarawak.

Jadi, dalam penggunaan undang-undang seperti ini saya berpendapat bahawa sebagai satu kuasa daripada pihak polis di negara-negara yang berkenaan dapat membentaras dan mengawal penjenayah-penjenayah fugitif ini dikawal dengan baik dan dengan demikian juga kita tidak menganggap Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang terasing

bila mana undang-undang ini disesuaikan dengan undang-undang iaitu Penjenayah Fugitif Komanwel ini diseragamkan dengan negara kita. Jadi, saya percaya ini adalah sebagai satu langkah yang bijak diambil oleh Kerajaan kita yang mana kita telah menimbangkan bahawa Brunei adalah sebuah negara yang baharu merdeka dan mungkin kebanyakan undang-undang dalam negara Brunei itu masih terhad kepada negara itu sendiri, maka belumlah begitu meluas sebagaimana kita Malaysia telahpun merdeka hampir 20 lebih tahun – 27 tahun dan banyak undang-undang ala British itu telahpun kita ubahsuaikan menurut keadaan dan menurut fikiran Ahli-ahli Dewan Rakyat kita, menurut pandangan pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Dewan Negara yang mana undang-undang dalam negara kita yang kita buat hari ini adalah menurut cara kita dan perkara-perkara yang berlaku di negara kita dan cara-cara mengatasi penjenayah itu juga dengan cara kita sendiri.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan pemakaian Undang-undang ini ke negara Brunei Darussalam, ianya telahpun membuka satu langkah kerjasama daripada segi undang-undang di negara kita dalam segala bentuk kerjasama bukan hanya daripada mencegah penjenayah fugitif komanwel ini tetapi mungkin ini juga dapat kita usahakan lagi seperti pencegahan pengedar-pengedar dadah kepada negara Brunei Darussalam melalui Sabah dan Sarawak, Singapura dan Semenanjung Malaysia.

Jadi ini mungkin dapat kita usahakan dan saya juga mengetahui bahawa langkah-langkah ini memang telahpun dibuat oleh Kerajaan kita dan saya percaya dengan adanya perluasan undang-undang ini dan pemakaiannya kepada Brunei, saya harap ini juga akan dapat mengurangkan penjenayah-penjenayah fugitif ini dapat melarikan diri di antara negara-negara jiran kita. Kita utamakan Malaysia, Brunei, Singapura selain daripada negara-

negara lain dalam negara-negara ASEAN.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga bahawa pemakaian undang-undang ini nanti juga yang mana mahkamah-mahkamah dalam negara kita akan dapat bekerjasama dengan mahkamah-mahkamah di negara Brunei Darussalam yang baru kita akan masukkan sebahagian daripada Rang Undang-undang ini akan dapat juga memberikan pandangan-pandangan daripada segi kegiatan-kegiatan penjenayah-penjenayah ini, cara mereka dapat melarikan diri daripada satu negeri ke satu negeri terutama sekali yang paling dekat sekali ialah antara Sabah dan Sarawak kerana kedua-dua negeri ini mempunyai sanak saudara yang serupa, baik orang Brunei dengan orang Sarawak mempunyai pertalian persaudaraan, demikian juga orang Sabah mempunyai pertalian dengan orang-orang Brunei. Jadi dalam loghat penggunaan bahasa sehari-harian itu sama, demikian juga orang Sarawak kalau mereka berketurunan Iban mereka akan bercakap Iban; orang Kayan akan bercakap bahasa Kayan dan mereka orang Murut di Brunei akan bercakap sama bahasa Murut dengan orang-orang di Sabah. Jadi kalau orang Sarawak dari keturunan Brunei bercakap bahasa daerah Brunei. Demikian juga kalau mereka ke Sabah, keturunan Brunei akan bercakap sama loghat bahasa daerah yang serupa.

Jadi, ini adalah sebagai satu kemusykilan kepada pihak-pihak polis untuk membanteras mereka ini kerana mereka ini mempunyai pertalian persaudaraan daripada segi penggunaan bahasa dan sebagainya yang mempunyai persamaan langsung. Hanya yang memisahkan ini ialah daripada segi politik dan pentadbiran negara masing-masing. Itu sahaja yang ada perbezaan tetapi pada keseluruhannya rakyat Sabah, Sarawak dan Brunei adalah sama dalam apa bentuk pun. Jadi dengan pemakaian Undang-undang Penjenayah Fugitive ini dilanjutkan ke Brunei Darussalam,

ini juga saya fikir ianya akan dapat merapatkan kerjasama antara Kerajaan negara kita Malaysia khasnya di antara pihak-pihak polis di Sabah dan Sarawak.

Saya fikir ini adalah sebagai satu langkah yang begitu bijak sekali yang difikirkan oleh Kerajaan kita pada masa sekarang memandangkan sebuah negara yang baru merdeka seperti negara Brunei Darussalam ini sangat-sangat menyanjung tinggi di atas langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kita pada masa sekarang dan mungkin banyak lagi perkara-perkara yang diperlukan dalam bentuk perundangan, dalam kerjasama yang lain-lain oleh negara Brunei kepada Malaysia.

Sepertimana yang kita lihat selepas sahaja negara Brunei merdeka, Malaysia adalah negara yang pertama dilawati oleh Brunei secara rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Brunei dan rombongannya, iaitu selepas sahaja negara itu mencapai kemerdekaan Malaysia adalah negara kunjungan yang pertama yang dilawati secara rasmi. Maka ini menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei Darussalam adalah mengharapkan lebih banyak bantuan-bantuan kerjasama baik dalam bidang pelajaran, teknikal dan sebagainya daripada Malaysia.

Tambahan lagi dalam penggunaan sistem pelajaran, bahasa Melayu dan sebagainya adalah serupa yang digunakan di negara Brunei dan ini juga membuktikan bahawa bilangan murid-murid dan pelajar-pelajar yang dihantar oleh Kerajaan Brunei yang telah memasuki dalam universiti-universiti di Malaysia dan juga dalam institusi teknologi seperti Institut Teknologi MARA (ITM) dan sebagainya dan kita dapati ramai daripada rakyat Brunei belajar di negara kita. Ini menunjukkan bahawa Brunei sejak merdeka lebih banyak menumpukan perhatiannya kepada Malaysia iaitu mereka telah menunjukkan kerjasama yang rapat

dan untuk mendapatkan sebarang bantuan-bantuan yang mana sebelumnya negara itu merdeka lebih banyak menerima nasihat-nasihat daripada British tetapi mereka menyedari bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara dalam ASEAN yang mereka boleh bercakap, boleh berbincang berterus-terang dan boleh meminta bantuan-bantuan teknik dan sebagainya daripada negara kita, bukan minta bantuan wang – mereka banyak wang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pemakaian undang-undang ini, saya percaya Kerajaan Brunei memang rasa senang hati iaitu undang-undang ini adalah sebagai satu langkah untuk memberikan kerjasama kepada negara Brunei sendiri bagi mencegah penjenayah-penjenayah yang akan melarikan diri daripada negara Brunei ke Malaysia dan juga kita mengharapkan mereka ini iaitu penjenayah dari Sabah dan Sarawaklah yang paling mudah untuk melarikan diri, jauh sekalilah penjenayah-penjenayah fugitif daripada Semenanjung Malaysia yang mahu menyeberangi lautan yang sejauh 1,000 notika batu, begitu jauh sekali tetapi yang paling dekat saya katakan tadi ialah antara Sabah dan Sarawak; ini kita mempunyai sempadan yang paling aneh sekali. Kalau kita pergi ke sempadan Limbang di jalan raya highway di sebelah sana itu Sarawak, ini Brunei; kita boleh buang buah ke sebelah sana dan berjalan ke seberang, apa yang kita nampak di sini kita menyeberang ke sebelah sana, itu sudah Sarawak tidak ada pagar, cuma dipisahkan hanya daripada jalan raya tadi sahaja. Itu di kawasan pendalaman Limbang.

Jadi saya fikir undang-undang ini bukan hanya beruntung kepada negara Brunei tetapi juga berfaedah kepada Malaysia keseluruhannya. Jadi itulah, Tuan Yang di-Pertua, dari pandangan saya iaitu dengan pemakaian undang-undang ini juga ianya menandatangani kebaikan kepada kedua-dua buah negara kita seperti yang saya katakan

tadi iaitu sempadan yang tidak dipagar di antara Sabah dan Sarawak ini terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu melawat ke Sabah dalam beberapa bulan yang lalu juga melawat ke bahagian di Merapoh, kalau tidak silap saya Merapoh adalah satu kawasan Sarawak dan di sebelah itu pula kawasan Sabah di Sepitang dan mereka ini terpaksa pergi dari satu negeri ke satu negeri secara bebas yang mana disyorkan tidak perlu lagi menggunakan pasport, hanya menggunakan Identity Card sahaja. Jadi ini juga sebagai satu kemudahan. Kemudahan ini kalau mereka ini termasuk dalam golongan penjenayah fugitif ini satu kemudahan untuk mereka menyeberang ke Sarawak, ke Sabah dan sebagainya tetapi kalau kepada rakyat yang menjaga kedaulatan undang-undang sudah tentu mereka berpendapat ini juga satu kemudahan kepada mereka kerana mereka adalah sebagai rakyat Malaysia, di antara kedua-dua negeri ini boleh pergi ke satu-satu negeri, menyeberang ke satu-satu sempadan dengan bebas tanpa mempunyai satu-satu sekatan yang tertentu. Jadi ini juga satu kebaikan, tetapi kepada penjenayah fugitif ini juga satu kebaikan kepada mereka bila sempadan-sempadan ini tidak dikawal kerana mereka boleh secara bebas, mungkin daripada Sabah mereka boleh, kalau ada wang naik kapal terbang terus lari pergi ke negara jiran di Filipina dengan hanya mengambil masa satu jam sahaja boleh terbang terus sampai ke Filipina.

Jadi kalau boleh Rang Undang-undang ini juga patut dibincangkan dalam Parlimen ASEAN supaya penjenayah fugitif ini juga diadakan sebagai satu Akta Penjenayah Fugitif ASEAN selain daripada Akta Penjenayah Fugitif Komanwel, 1967.

Ini patut dibawa dijadikan sebagai satu undang-undang yang seragam dengan negara-negara ASEAN.

Kalau tidak silap saya Indonesia juga akan menggunakan undang-undang

yang seragam dengan Malaysia dalam bentuk Undang-undang Penjenayah walaupun undang-undang yang terdapat di Indonesia yang berasal daripada negara Barat tetapi hanya disesuaikan dengan cara Indonesia, penggunaan cara Indonesia, demikian juga cara mahkamah mereka membuat satu amalan secara Indonesia. Ini mungkin bagi kita yang masih lagi mengamal secara sistem British tetapi ala Malaysia. Kita merasa canggung sedikit pada maksud undang-undang yang ada di negara mereka itu serupa.

Saya fikir dengan pengseragaman satu Akta bagi Penjenyah Fugitif ini dalam negara-negara ASEAN, juga mungkin membuka satu jalan yang lebih baik, yang lebih luas dan sebagai satu permulaan iaitu sebagai satu era baru bagi ASEAN sedikit demi sedikit menseragamkan beberapa undang-undang yang tertentu yang boleh diterima di dalam negara-negara ASEAN. Saya tidak bermaksud ke seluruhnya negara ASEAN ini mempunyai undang-undang yang seragam kerana dari awal tadi saya mengatakan tiap-tiap negara itu mempunyai cara dia sendiri, masalahnya yang sendiri dan cara mengatasi juga menurut cara mereka. Kita tidak boleh menyamakan undang-undang yang terdapat di Thailand untuk kita terima di negara ini. Mungkin kita mempunyai persamaan dalam segi undang-undang civil di Singapura dengan Malaysia dan Brunei Darussalam. Tetapi keadaan Indonesia, Filipina dan Thailand mungkin ada jauh sedikit cara kita walaupun persamaan itu ada tetapi cara pengendalian undang-undang yang dibuat di negara itu amat berlainan sedikit. Cara untuk meluaskan penerimaan undang-undang ini dalam negara-negara ASEAN yang saya maksudkan tadi ialah kita cari dengan secara berperingkat-peringkat apakah yang boleh disesuaikan kepada negara-negara ASEAN.

Untuk pemakaian Undang-undang Penjenyah Fugitif Komanwel kepada

Brunei Darussalam ini, saya fikir ini adalah perkara yang begitu kecil sahaja. Walau macam manapun ia mempunyai satu pengertian yang begitu besar kepada negara kita Malaysia dan khasnya juga kepada Brunei Darussalam.

Saya percaya dengan pemakaian undang-undang seperti ini, negara Brunei Darussalam akan mengerti kepada Malaysia dengan lebih mendalam lagi, bagaimana kita ingin memberikan kerjasama dan membenteras penjenyah fugitif ini untuk memasuki kepada negeri-negeri kita dalam Malaysia yang mana kerjasama di antara pihak polis dan juga mahkamah kepada negeri-negeri yang berkenaan itu dapat mewujudkan kerjasama daripada segi perundangan yang begitu baik. Kita harap Rang Undang-undang ini akan dapat dikuatkuasakan selepas mendapat kelulusan daripada Dewan yang mulia ini dan dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Penjenyah Fugitif Komanwel, 1967. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Abu Samah dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar yang telah bangun mengambil bahagian berbincang dan memberi pendapat-pendapat mereka berkenaan dengan Akta Penjenyah Fugitif Komanwel 1967 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dan seterusnya menyokong Akta tersebut.

Memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk seterusnya mengekalkan tali perhubungan yang baik yang terdapat di antara Malaysia dan Brunei sebelum Brunei menjadi sebuah negara yang

merdeka. Sebagaimana kita semua maklum perhubungan yang begitu rapat berkenaan dengan perdagangan dan juga dalam bidang pelajaran memang wujud sebelum Brunei mencapai kemerdekaan. Selepas Brunei mencapai kemerdekaan ada beberapa perkara yang telah dibicarakan di antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan Malaysia yang didapati tidak terdapat satu undang-undang untuk dikuatkuasakan. Di antaranya ialah berkenaan dengan penjenayah yang mungkin lari berselindung di antara Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dan Brunei. Maka dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei Darussalam bahawa satu Akta Penjenayah Fugitif Komanwel patut diwujudkan supaya penjenayah-penjenayah yang melarikan diri boleh ditangkap dan dengan begitu mudah sekali dibawa balik ke negara asal untuk dibicarakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah, oleh sebab tiada terdapat peruntukan-peruntukan seperti yang dibentangkan melalui undang-undang ini, melalui Akta ini maka tidak ada bilangan untuk saya kemukakan kepada Yang Berhormat berapa orangkah penjenayah-penjenayah daripada negara Brunei yang terdapat di negara kita sekarang ini. Walau bagaimanapun inginlah saya menjelaskan di sini bahawa prosedur yang kita akan gunakan di antara Brunei dan negara kita mengikut prosedur yang kita sedang lakukan di antara Malaysia dan Singapura adalah satu prosedur yang amat senang. Saya difahamkan bahawa tidak terdapat prosedur sedemikian rupa di antara negara-negara lain.

Sepertimana yang saya terangkan dalam ucapan saya tadi senang oleh kerana apa yang perlu dilakukan iaitu Kerajaan Brunei umpamanya mengemukakan butir-butir berkenaan dengan fugitif yang melarikan diri yang ada berada di Malaysia supaya pihak

polis boleh mengeluarkan waran untuk dia ditangkap dan selepas dia ditangkap dikemukakan di hadapan Magistrate dan selepas bukti-bukti terang jelas bahawa satu perkara yang bersangkutan paut dengan undang-undang Brunei telahpun dikenalpasti, si penjenayah itu boleh dikembalikan begitu senang sahaja ke negara Brunei untuk dibicarakan. Begitu juga sebaliknya jika penjenayah Malaysia melarikan diri ke negara Brunei.

Memanglah masalah pencegahan penyalahgunaan dadah akan menjadi satu perkara yang undang-undang ini akan digunakan sepenuhnya. Umpamanya, seorang penjenayah atau seorang pengedar dadah daripada Malaysia atau daripada Sabah dan Sarawak dapat melarikan dirinya ke Brunei, pihak polis Malaysia hanya mengemukakan butir-butir penjenayah tersebut kepada polis Brunei supaya polis Brunei boleh mengeluarkan waran, ditangkapnya, dihadapkan di hadapan mahkamah Magistrate dan selepas dibuktikan kesalahannya, terang, dikembalikan melalui polis Brunei kepada polis Malaysia untuk dibicarakan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya dapat menjawab sebab saya percaya Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini amatlah jelas sekali dan disambut oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini.

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih di atas apa sahaja cadangan-cadangan yang dikemukakan terutama sekali cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar supaya undang-undang yang serupa diperluaskan kepada semua negara ASEAN, akan dipertimbangkan. Walau bagaimana inginlah saya menjelaskan bahawa Akta Penjenayah Fugitif mestilah dipersetujui di antara negara-negara yang mengambil bahagian. Oleh sebab itu, ia bersangkutan

paut dengan fugitif politik sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Adul Razak bin Abu Samah mungkin tidak dapat dipraktikkan jika negara Brunei tidak bersetuju. Sekianlah sahaja ucapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan peraturan Mesyuarat 11(2) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(2) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 31hb Julai, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.15 petang.